


Jilid III
Bil. 3



Hari Rabu
20hb April, 1977

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 177]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 206]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Perak).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH BIN JAFARUDDIN (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, D.K.S.J., A.M.N., P.J.K., (Melaka).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN, P.M.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK SERI J. E. S. CRAWFORD, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K., J.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ DATUK SEAH TENG NGIAB, D.P.M.J., S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K., P.N.B.S. (Sabah).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN V. S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KEE NAI (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Rabu, 20hb April, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**MAJUIKAN—KRISIS PASAR BORONG
DI TAMPOI JOHOR**

1. Datuk Haji Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pertanian apakah hasil MAJUIKAN mengadakan siasatan mengenai krisis dan kekecohan di pasar borong di Tampoi, Johor. Siapa yang menjadikan kekecohan itu berlaku. Apa usaha yang dapat dibuat untuk mengelakkan harga ikan dan sayur tidak melambung tinggi. Dan apa langkah dapat dilindungi kepada peruncit berlesen bagi mendapatkan ikan.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini berkenaan dengan kekecohan berkenaan dengan Pasar Borong yang timbul baru-baru ini adalah satu perkara biasa yang berlaku apabila sesuatu projek yang dijalankan atas satu-satu perubahan ataupun pembaharuan terhadap amalan biasa dijalankan. Sebenarnya, kekecohan itu berlaku atau timbul daripada kekeliruan segolongan kecil peruncit-peruncit yang tertentu di Pasar Borong itu dan mengenai peraturan-peraturan baru yang dikenakan dan masa yang dibenarkan bagi mereka memasuki Pasar Borong itu membeli ikan. Oleh kerana masalah ini ada hubungannya dengan beberapa pihak, maka Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Petugas yang mengandungi wakil-wakil daripada Kerajaan Negeri Johor, Lembaga Bandaran Johor Bahru, MAJUIKAN, FAMA dan ahli-ahli yang berkenaan bagi mengatasi masalah

ini. Alhamdulillah, dengan izin Allah dan dengan adanya Jawatankuasa Petugas ini semua masalah telah dapat diselesaikan. Masalah ini sekarang telah selesai dan Pasar Borong itu adalah berjalan dengan baik walaupun mungkin ada lagi masalah yang kecil-kecil, saya percaya boleh diatasi seterusnya oleh Jawatankuasa ini. Dengan ini saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas usaha-usahanya yang sangat memuaskan itu dan Kementerian saya akan terus memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada Jawatankuasa Petugas yang telah dibentuk itu untuk mengatasi beberapa masalah jika sekiranya timbul lagi di masa-masa yang akan datang.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mungkin juga berlaku masalah ini di negeri-negeri lain. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ingin meminta jasa baik sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh negeri kami, Kerajaan Johor.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya timbul di beberapa buah negeri lain, maka perjalanan Jawatankuasa Petugas yang dibuat di Negeri Johor itu boleh dijadikan contoh dan tauladan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa hubungan MAJUIKAN dengan nelayan-nelayan kita ini banyak yang menyulitkan. Dengan sebab itu, setengah-setengah nelayan kita adalah lebih suka berbalik menjual ikannya kepada orang tengah lama. Adakah perkara ini dapat diperhatikan oleh Kementerian ini untuk dapat diperbetulkan.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, sehingga saat ini, saya belum lagi menerima laporan apa

yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada apakah tindakannya?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Sila kirimkan untuk disiasat.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang bertanggungjawab iaitu ikan-ikan sebelum sampai ke pantai sudah ada orang tengah di tengah laut.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain, saya tidak boleh jawab.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Kalau tidak boleh, tidak mengapalah.

KARTEL OLEH PENIAGA BESAR

2. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kerajaan menentang penubuhan kartel oleh peniaga-peniaga besar dan samada Kerajaan akan mengemukakan undang-undang untuk melarang penubuhannya untuk menentukan supaya peniaga-peniaga tidak bersatu dalam memeras pengguna-pengguna dengan menaikkan harga barang-barang tanpa kelulusan pihak Kementerian yang berkenaan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, mengikut pendapat saya kartel ini bukanlah pertubuhan, kartel adalah perkataan mengkhabarkan pakatan antara golongan badan-badan untuk satu-satu tujuan, bukan sebagaimana saya katakan tadi pertubuhan dari segi rupa syarikat yang mana memerlukan pendaftaran. Kalau ini yang menjadi kebimbangan Ahli Yang Berhormat dari segi ertikata pakatan golongan-golongan tertentu berpakat bersama-sama untuk mengwujudkan keadaan dalam mana harga barang naik, kalau itulah kebimbangannya, kita ada satu undang-undang sekarang ini dalam mana kita boleh menjalankan kajian membuat penyiasatan di atas pakatan semacam itu dan jikalau betul pakatan itu dibuat untuk menaikkan harga barang, tindakan sewajarnya boleh diambil

di bawah undang-undang yang ada dengan tidak perlu kita mengadakan undang-undang melarang pertubuhan kartel, kerana kartel ini bukan pertubuhan, cuma pakatan golongan yang tertentu.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan kartel ini saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, pengeluaran terlampau banyak oleh kerana banyak kilang-kilang yang ditubuhkan mengeluarkan barang yang sama. Dengan sebab itu, pakatan dibuat oleh kilang-kilang ini supaya pengeluarannya disedikitkan untuk meninggikan harga barang-barang. Apakah Kerajaan mesti buat di atas perkara ini.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, memang ada peraturan khususnya meliputi kilang-kilang perusahaan yang mendapat kelulusan Kerajaan untuk mengeluarkan barang-barang keperluan (essential commodities), dalam peraturan itu bukan sahaja syarat dikenakan supaya dia mengeluarkan sekian banyak capacity barang-barang, bahkan ada syarat mengatakan apabila dia hendak mengurangkan bilangan ataupun capacity barang keperluannya dia mesti memaklumkan kepada Kementerian. Kalau sekiranya Kementerian mendapati bahawa perbuatannya mengurangkan pengeluarannya, macam syarikat simen hendak mengurangkan capacitynya daripada sekarang ini 100,000 tan kepada 50,000 tan dia mesti memberi alasan-alasan yang munasabah kenapa dia hendak mengurangkan capacitynya, kalau tidak munasabah kita tidak benarkan dia mengurangkan pengeluarannya.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada jawapan yang diberikan oleh Menteri sebentar tadi. Sebenarnya, pada masa sekarang peniaga-peniaga yang besar itu menaikkan harga barang-barang yang bukan essential ataupun yang bukan mustahak, selepas menaikkan harga itu baru mereka minta kebenaran dari Kerajaan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan di Dewan Negara ini bagaimana keadaan ini dibenarkan; menaikkan harga kemudian baru diminta kebenaran dari pihak Kerajaan.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Saya suka memberi penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, tentang adanya kedudukan silap sangka di kalangan banyak orang yang menyatakan kita sekarang ini ada peraturan menetapkan harga barang-barang sebagaimana yang kita telah buat dalam masa dharurat dahulu. Tidak ada harga barang ditetapkan cuma ada peraturan di bawah undang-undang kawalan bekalan bahawa barang-barang keperluan seperti gula, simen dan sebagainya yang dikeluarkan oleh kilang-kilang yang diluluskan oleh Kementerian. Sebelum barang-barang ini dinaikkan harganya perlulah pihak yang berkenaan itu mendapatkan persetujuan daripada pihak Kementerian. Ini bagi barang-barang perlu (essential items) sahaja, barang-barang yang lain tidak termasuk ataupun tidak diisytiharkan sebagai barang mustahak dan digezet sebagai controlled tidak memerlukan persetujuan daripada Kementerian. Tetapi dalam pada itu kalau sekiranya kenaikan barang-barang yang tidak dikontrol ini akan mengakibatkan penderitaan di kalangan rakyat, Kementerian tidak sunyi juga daripada mengambil tindakan sebagaimana yang kita telah lakukan seperti beer yang baru-baru ini telah naik. Itu tidak control items. Bukan banyak sangat orang yang minum beer dan mabok. Tetapi oleh kerana banyak sangat pressure, banyak riuh-rendahnya mengenai perkara ini kita panggil serta jemput pihak-pihak yang berkenaan dan berunding dengan dia, dan menasihatkannya supaya harga yang dinaikkan itu berpatutan.

JABATAN PENUNTUT MALAYSIA DI LUAR NEGERI

3. Tuan Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah Jabatan Penuntut Kerajaan sedang ditampung di luar negeri. Di manakah terletaknya Jabatan itu dan apakah kemudahan yang diberikan oleh Jabatan itu kepada para penuntut.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, terdapat sebanyak enam buah Jabatan Penuntut di luar negeri di bawah Kementerian Pelajaran. Jabatan-jabatan Penuntut itu terletak di Jakarta, London, New Delhi, Sydney, Washington dan Wellington. Di antara kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh Jabatan Penuntut ini kepada penuntut ialah:

- (i) Penyediaan kemudahan tempat tinggal/asrama.

- (ii) Menguruskan perkara penempatan penuntut-penuntut di yaysan pelajaran tinggi dan perkara-perkara tempat tinggal.
- (iii) Bantuan nasihat kepada penuntut-penuntut mengenai pelajaran dan perkara-perkara persendirian.
- (iv) Menyebarkan bahan-bahan penerangan mengenai hal ehwal Malaysia termasuk juga peluang pekerjaan kepada penuntut-penuntut.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri yang bertanggungjawab mengatakan asrama pun adalah satu daripada tugas Kerajaan. Tahukah atau tidak bahawa di London di mana ramai penuntut-penuntut kita belajar di sana asramanya adalah macam labour line di estet ataupun lebih dahsyat daripada itu—biliknya sudah rebeh, bangkunya sudah pecah. Apa sebab sudah berpuluh tahun tidak hendak dibaiki? Itu pertama.

Kedua, tahukah atau tidak suratkhbar cuma ada satu atau dua, dibaca sampai hancur! Kenapa tidak diberi kepada penuntut-penuntut ini suratkhbar yang lebih baik dan library yang lebih cantik dan lebih elok untuk penuntut-penuntut kita di luar negeri.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, nasib baik juga saya baru-baru ini berada di London dan ada melawat Malaysian Students Department (M.S.D.) dan juga asrama di London. Jadi keadaanya tidak semacam yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi seperti kongsi di ladang-ladang. Tetapi perkara ini saya sendiri dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran pun ada melihat keadaan itu. Oleh kerana pada masa sekarang kita baru menerima satu tawaran (tender) untuk membaiki atau memberi layanan supaya bangunan itu dan juga bilik itu dapat dinaikkan tarafnya. Jadi oleh kerana barangkali pada masa sekarang ini banyak kontraktor-kontraktor di London ada tarik harga sedikit oleh kerana banyak kerja. Jadi bagi melaksanakan kerja tentulah mengambil masa sedikit. Walau bagaimanapun, satu tender akan dapat diterima. Jadi tidak berapa lama lagi semua asrama itu akan dapat dibaiki.

Berkenaan bahagian penuntut di tempat pejabat itu pun sejak tahun dahulu lagi sudah dibaiki. Jadi keseluruhan di London sana selain daripada asrama penuntut-penuntut yang ada, di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini kita akan dapat menambakan enam pusat lagi di tempat-tempat yang lain supaya kita dapat memberikan kemudahan-kemudahan yang istimewa kepada penuntut-penuntut kita di sana.

Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya sedikit berkenaan penerangan yang dikatakan diberi kepada penuntut-penuntut yang di luar negeri, adakah diberi kepada centres semacam di London dan Washington sahaja ataupun diberikan juga kepada centres yang lain. Saya dapati, umpamanya, di London kita tahu banyak Menteri-menteri kita selalu pergi ke sana dan saya dengar banyak penuntut-penuntut dapat mengetahui keadaan sebenarnya di negara kita. Tetapi jikalau ditengok di Wellington, New Zealand—pun di bawah sana, barangkali tidak pernah yang pergi ke tempat yang dikatakan Otago, Christchurch begitu juga seperti di New Delhi. Saya tidak tahu bagaimana keadaan di Washington. Saya hendak bertanya bagaimana penerangan yang diberikan kepada murid-murid kita?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, tempat-tempat yang lain selain daripada di London yang mana seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu kita barangkali ada berikan keistimewaan untuk penuntut-penuntut di sana, tetapi tidak tempat-tempat yang lain barangkali oleh kerana bilangan penuntut-penuntutnya yang kurang sedikit. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran ada juga mencuba sedaya-upaya supaya kita dapat tempat-tempat jika difikirkan mustahak dan memerlukan penubuhan pusat itu kita akan memberi pertimbangan. Tetapi oleh kerana kita akan mencari tempat masing-masing khususnya pejabat dengan asrama tentulah pusat-pusat itu memakan belanja yang banyak. Untuk mendapatkan satu-satu tempat di luar negeri bukannya senang. Jadi walau bagaimanapun, kalau perlu penubuhan pusat itu, Kementerian Pelajaran akan cuba sedaya-upaya untuk mendapatkan tempat itu.

MURID-MURID GAGAL PEPERIKSAAN S.R.P./L.C.E.

4. Puan Zawiah binti Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah angka yang sebenar murid-murid yang gagal dalam peperiksaan S.R.P./L.C.E. pada tahun yang lepas dan dari jumlah itu berapa ramai-pula:

- (a) yang diterima semula untuk mengulang balik peperiksaan;
- (b) masuk ke sekolah Vokesyenal dan lain-lain.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan murid sekolah-sekolah menengah bantuan penuh yang gagal dalam peperiksaan S.R.P./L.C.E. pada tahun lepas ialah 62,004 orang. Angka ini terdiri daripada 56,235 orang yang mendapat Pangkat S dan 5,769 orang yang mendapat Pangkat X. Daripada jumlah itu seramai 7,385 orang murid telah diterima untuk belajar semula (retention) di sekolah-sekolah Kerajaan dan sehingga 1hb April 1977 seramai 2,125 orang murid yang mendapat pangkat S telah masuk ke Sekolah-sekolah Menengah Vokesyenal, Kementerian Pelajaran. Walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan bahawa Sekolah Menengah Vokesyenal bukan dikhaskan untuk murid yang gagal dalam peperiksaan S.R.P./L.C.E.

Puan Zawiah binti Abdullah: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk menerima semula pelajar-pelajar yang gagal tidak kira berapakah kelulusannya supaya mencuba semula sekali lagi. Yang kedua, adakah Kementerian ini sedar berapa ramai-pula penuntut-penuntut yang gagal terutama di luar bandar tidak mampu membiayai sendiri untuk mengulangi peperiksaan sekali lagi.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Pelajaran cuba dengan sedaya-upaya, kerana kita dapat tahu murid-murid yang gagal di dalam L.C.E. atau S.R.P. barangkali sudah sedikit untuk diberikan mereka memasuki sekolah semula. Kita patut bersyukur kepada Tuhan kerana Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada tahun ini telah melonggarkan syarat-syarat untuk memberikan peluang kepada lebih kurang 17,000 orang murid dapat memasuki ke tingkatan IV dan juga belajar semula (retention) dalam Form III dan juga

tentulah jika ada murid-murid kita yang ada kebolehan dan berminat hendak belajar, kita sedia berikan peluang kepada mereka. Dalam sebuah negara yang membangun seperti Malaysia kita ini kita tidak dapat menyediakan satu ukuran yang mana kita mesti adakan satu ulangkaji atau peperiksaan yang mana kita buat penilaian semacam tadi.

Walau bagaimanapun, selain daripada kita memberikan peluang kepada mereka naik ke Tingkatan IV atau belajar semula (retention), kita juga cuba sedaya-upaya supaya mendirikan lebih sekolah-sekolah vokesyenal untuk mereka. Jadi, soal kita boleh memberi semuanya memasuki sekolah saya ingat ini barangkali susah sedikit oleh kerana ini bergantung kepada tempat-tempat dalam sekolah itu dan kalau kita tetapkan ini satu dasar umum Kerajaan memberikan semuanya masuk sekolah, barangkali kita tidak akan dapat menambahkan banyak lagi bilik-bilik darjah, tenaga pengajar dan sebagainya. Tetapi saya sukalah menegaskan sekali lagi, tahun ini kita sudah buat kelonggaran yang besar kepada murid-murid dan ini saya rasa satu perkara yang dapat dibanggakan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya dalam soalan (b) berhubung dengan sekolah vokesyenal. Adakah Kementerian sedar bahawa sungutan ibubapa dan murid-murid di sekolah ini bahawa satu kelemahan dalam bidang mengetahui natijah hasil peperiksaan mereka tersangat lembab, sudahlah lambat bila diistiharkan ada murid-murid yang dapat tahu dan ada murid-murid yang masih tunggu lagi. Keadaan ini adakah disedari oleh Kementerian dan kalau sedar, apa langkah untuk diperbaiki.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana murid-murid untuk memohon memasuki sekolah menengah vokesyenal, bilangannya pun bertambah besar, jadi dari segi kelayakan dan juga dari segi minat kita memerlukan temuduga. Jadi, untuk memproseskan permohonan dan juga melalui temuduga tiap-tiap negeri, jadi ini barangkali mengambil masa sedikit, tetapi walau bagaimanapun ini adalah dalam pengetahuan Kementerian Pelajaran dan kita selalu mengambil langkah supaya mencepatkan memberitahu kepada murid-murid yang memohon itu.

Dr Lim Keng Yaik: Soalan tambahan. Tadi kita telah dengar jumlah murid-murid yang diterima masuk semula untuk Form IV dan beberapa orang murid masuk ke sekolah vokesyenal. Dari jumlah murid-murid yang gagal dalam peperiksaan L.C.E. dan S.R.P. didapati jumlahnya besar dan tidak dapat peluang untuk menyambung pelajaran mereka lagi. Adakah Kementerian bercadang untuk menolong murid-murid yang gagal di dalam peperiksaan yang tidak dapat peluang masuk di dalam apa-apa sekolah, jika sekiranya tidak ada apa-apa cadangan, maka murid-murid ini tidak ada peluang belajar dan belum cukup umur untuk dapat pekerjaan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menegaskan sekali lagi bahawa Kementerian Pelajaran mengikut rancangan tertentu supaya kita dapat memberikan peluang-peluang kepada murid-murid yang gagal, tetapi boleh dikatakan iaitu Kementerian Pelajaran dapat memberikan pelajaran yang sempurna dan juga jika sekiranya kita tidak dapat memberikan peluang-peluang itu, lain-lain Kementerian saya ingat ada memberikan pertolongan kepada mereka supaya mereka boleh dapat selain daripada sekolah-sekolah bantuan Kerajaan, kita juga ada institusi-institusi barangkali dapat memberikan latihan kepada mereka. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga barangkali Kementerian Buruh pun dapat memberikan tunjuk ajar dan memberikan latihan ataupun kemahiran kepada mereka. Jadi, tentulah bukan semua Kementerian Pelajaran atau sekolah sahaja mereka dapat pelajaran, tetapi lain-lain Kementerian pun dapat memberikan pertolongan kepada mereka.

ASRAMA BAGI SEKOLAH-SEKOLAH

5. Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar tentang kekurangan asrama di sekolah-sekolah di tiap-tiap negeri sekarang ini kerana peruntukan untuk Rancangan Malaysia Yang Ketiga terlalu banyak, jika ya, samada terdapat sebarang rancangan untuk membina asrama-asrama bagi sekolah-sekolah yang tiada kemudahan ini, dan jika ya, bila.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, ya, saya sedar bahawa kemudahan

asrama masih belum mencukupi bagi keperluan semua penuntut-penuntut yang memerlukannya. Sungguhpun peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ketiga bagi Kementerian Pelajaran adalah banyak tetapi ia perlu dibahagikan kepada pecahan peruntukan yang tertentu. Dengan yang demikian, peruntukan bagi asrama adalah terhad dan kemudahan asrama terpaksa diberi berperingkat-peringkat.

IJAZAH FAKULTI PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

6. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) samada benar pada masa sekarang ijazah-ijazah fakulti perubatan dari Universiti-universiti kita tidak lagi diiktirafkan oleh negara-negara asing seperti Australia dan New Zealand; dan
- (b) jika benar, apakah langkah beliau telah diambil untuk meninggikan taraf mata pelajaran fakulti tersebut supaya ijazah-ijazah yang dikeluarkan itu dapat diiktirafkan semula oleh negara-negara asing bagi menjaga nama baik Universiti-universiti kita.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pada awalnya ijazah perubatan Fakulti Perubatan Universiti Malaya adalah diiktiraf oleh lembaga-lembaga perubatan kebanyakan negeri-negeri di Australia tetapi baru-baru ini kebanyakan lembaga-lembaga perubatan di negeri Australia telah menarik balik pengiktirafan mereka melainkan yang masih mengekalkan pengiktirafan itu ialah Lembaga-lembaga Perubatan Adelaide dan Sydney. Patutlah diterangkan di sini bahawa jika ijazah perubatan di Malaysia tidak diiktirafkan, ini tidaklah bermakna bahawa mutu pelajaran perubatan di Malaysia adalah rendah. Ini adalah kerana dasar pengiktirafan oleh beberapa negeri mungkin berpegang kepada beberapa sebab seperti perasaan bimbang negara-negara itu terhadap banyaknya bilangan doktor-doktor dari negara-negara asing yang masuk untuk bertugas di negara-negara mereka itu. Sebaliknya, amalan sekatan ini akan memberi faedah kepada Malaysia sendiri kerana ini dapat mengurangkan "brain drain" dari Malaysia ke negara-negara yang maju.

- (b) Sistem menggunakan pemeriksa-pemeriksa dari luar negeri (external examiners) iaitu professor-professor terkenal dari universiti-universiti luar negeri menjalankan peperiksaan bersama dengan professor-professor kita akan dapat menjamin mutu tinggi pendidikan perubatan kita dikekalkan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:

Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jikalau Australia dan New Zealand boleh mengiktiraf kelulusan universiti perubatan daripada Hongkong, apakah sebabnya tidak boleh diiktiraf daripada universiti kita. Adakah Kementerian yang bertanggungjawab bertanya apakah sebab-sebabnya, sebab politikah supaya doktor-doktor Malaysia tidak dapat masuk ke dalam negerinya. Apakah sebabnya daripada India diiktiraf, daripada Ceylon diiktiraf, daripada Jepun diiktiraf tetapi daripada negeri kita tidak diiktiraf. Adakah oleh kerana professor-professor di negeri kita kurang layak mengajar di universiti perubatan ataupun apakah sebab-sebabnya yang tertentu—tentu ada.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan

Yang di-Pertua, bertanyakan sebab kenapakah negeri Australia ataupun New Zealand tidak mahu mengiktiraf degree kita, itu bukanlah tugas saya untuk menjawabnya, sebab soalan ini patut Ahli Yang Berhormat bertanyakan di sana.

Bagi menjawab soalan (b), saya tidak memikirkan bahawa mutu pelajaran di Fakulti Perubatan, Universiti Malaya ini adalah rendah oleh kerana apa yang saya tahu mutu pelajaran di Universiti Malaya itu adalah salah satu yang the best dalam South East Asia oleh kerana sistem pemeriksaan kita yang saya sebutkan tadi—Board of Examiners bukan sahaja dianggotai oleh pemeriksa-pemeriksa kita di sini bahkan kita mengundang pemeriksa-pemeriksa yang pakar, yang bijak, yang pandai daripada luar negeri itu duduk bersama untuk meluluskan seseorang student dalam pemeriksaannya.

Datuk Mansor bin Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini pada pendapat saya adalah serious walaupun nampaknya sambil lewa sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawabnya. Ini saya rasa adalah imej negara kita terlibat. Saya suka mendapat tahu selain daripada

Australia dan New Zealand yang tidak mengiktiraf ijazah perubatan dari Universiti Malaya adakah mana-mana negara lain lagi yang juga tidak mengiktiraf kelulusan ini, yakni bolehkah diterangkan berapa buah Negara yang telah mengiktiraf, ijazah daripada universiti kita ini dan berapa negara yang tidak mengiktirafnya?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini berkehendakkan notis.

HAKMILIK TANAH MENGIKUT KAUM

7. Datuk Abdul Aziz bin Tapa minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan jumlah ekar tanah pertanian yang telah diusahakan di seluruh negara pada masa sekarang dan samada Kerajaan dapat membahagikan hakmilik tanah tersebut mengikut berbagai-bagai kaum di negara ini tidak mengira samada mereka itu warganegara ataupun bukan warganegara. Samada hakmilik tersebut menemui kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru Kerajaan berhubung dengan hal-hal tanah.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, mengikut satu kajian Kerajaan pada tahun 1973, sejumlah lebih kurang 7.1 juta ekar tanah telah diusahakan di Semenanjung Tanah Melayu. Setakat ini Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tidak dapat memberikan perangkaan kepunyaan tanah mengikut kaum.

Satu banciaan kepada struktur pertanian Malaysia sedang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan. Keputusan banciaan itu adalah dijangka dapat diketahui pada tahun 1978. Walau bagaimanapun, tanah-tanah pertanian yang dipunyai oleh syarikat-syarikat besar yang bukan warganegara berjumlah 1,165,300 ekar lebih kurang. Pecahan-pecahannya adalah seperti berikut:

Singapura	160,500	ekar
British	804,200	..
Amerika	27,500	..
Peranchis	17,600	..
India	16,200	..
Lain-lain	139,600	..

Dan tanaman-tanaman yang ditanamkan di sini ialah kelapa sawit, getah, kelapa dan teh.

Dasar Ekonomi Baru Kerajaan berkenaan dengan pemberian tanah kepada rakyat yang tidak bertanah adalah dilaksanakan oleh pihak Ajensi-ajensi Pembangunan Tanah Kerajaan seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan juga Ajensi-ajensi Kerajaan-kerajaan Negeri. Sehingga akhir tahun 1976, FELDA telah membuka seluas 812,684 ekar tanah untuk rakyat tersebut.

Dalam rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan telah menetapkan akan membuka rancangan tanah seluas lebih kurang 1 juta ekar dan pecahan ini adalah seperti berikut:

FELDA	350,000	ekar
FELCRA	50,000	..
RISDA	100,000	..
Kerajaan-kerajaan Negeri				240,000	..
Usahasama sektor awam				260,000	..

Saya percaya jika semua rancangan-rancangan ini berjaya, matlamat Dasar Ekonomi Baru akan dapat tercapai.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan berhubung dengan tanah yang dimiliki oleh bukan warganegara lebih kurang 1.1 million. Saya hendak tahu, bolehkah Kementerian yang berkenaan membuat satu peraturan pada masa akan datang kelak syarikat-syarikat yang bukan warganegara ini kalau hendak memindah milik atau hendak menjual tanah ladangnya ini hendaklah diberikan satu peraturan dijual kepada ajensi-ajensi Kerajaan seperti FELDA dan Perbadanan Kemajuan Negeri supaya tidak terlepas tanah-tanah ini dengan cara tidak berekonomi pada masa depan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan kita semenjak tahun 1956 tidak lagi menggalakkan pembukaan tanah ladang besar-besaran kepada pihak swasta, kerana semenjak tahun 1956 kuasa ataupun peranan ini telah diambil alih oleh pihak FELDA, FELCRA dan RISDA. Walau bagaimanapun, adalah menjadi hak mutlak syarikat-syarikat ini bahawa ladang-ladang kepunyaan syarikat ini tidak terjejas oleh dasar Kerajaan yang telah saya sebutkan tadi kerana peruntukan-peruntukan undang-undang dalam negara kita samada dalam Kanun Tanah Negara, iaitu Seksyen

340 yang mana menyatakan: "the indefeasibility of title and interest" dan juga hak mereka adalah terjamin dalam Perlembagaan kita. Oleh itu, saya rasa tidaklah ada khuatir bagi pihak syarikat-syarikat ini bahawa hak mereka akan diambil oleh pihak Kerajaan. Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat itu adalah baik supaya pihak Kerajaan dapat menentukan apabila syarikat-syarikat ini nanti menjualkan ladang-ladang mereka maka hendaklah mereka menjualkan ataupun memberi keutamaan kepada warganegara Malaysia. Bahkan saya percaya ianya akan memberi keuntungan kepada syarikat-syarikat ini kerana sekarang pihak Kerajaan memang sengaja menggalakkan joint-venture di antara orang bukan warganegara dan warganegara Malaysia.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dinyatakan oleh rakan saya bukannya kerana tanah ini akan dijual. Misalnya bukan warganegara lain yang mempunyai tanah-tanah estet ini hendak menjual tanah kepada siapa-siapa sahaja warganegara yang boleh membeli, bukan begitu. Itu tujuannya yang rakan saya bertanya oleh kerana perkara ini telah terjadi, apabila estet-estet besar ini dibeli kemudian dipecah-pecahkan kepada beberapa orang. Jadi, ini yang ditanyakan, boleh atau tidak dibuat satu dasar oleh Kerajaan apabila tanah-tanah estet besar yang dipunyai oleh bukan warganegara hendak dijual mestilah ditawarkan dahulu kepada ajensi-ajensi Kerajaan dan jikalau ajensi-ajensi Kerajaan tidak mahu membeli barulah dijual kepada warganegara yang lain. Itu yang ditanyakan, boleh atau tidak dibuat dasar begitu.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, pertama mengenai fragmentation, sekarang kita memang sudah ada undang-undang iaitu Fragmentation Act, jadi tidak bolehlah tanah ladang-ladang besar-besar itu dipecah-pecah, kecuali dengan satu angka yang tertentu dan mengenai boleh atau tidak pihak Kerajaan memastikan seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya tidaklah dapat memberi pengakuan di sini, saya hanya boleh mengatakan bahawa cadangan itu kita boleh timbangkan.

LOMBONG—KESELAMATAN PEKERJA-PEKERJA

8. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan tindakan-tindakan ia bercadang hendak ambil untuk mengelakkan semula kejadian kemalangan lombong seperti yang beriakku di Batu Tujuh Puchong, Selangor dahulu.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua Kementerian saya memandang berat atas kejadian kemalangan lombong dan melalui Jabatan Galian kempen-kempen keselamatan lombong telah dilancarkan dari semasa ke semasa dengan tujuan membawa kesedaran bukan sahaja kepada semua peringkat pengurusan lombong tetapi juga kepada pekerja-pekerja lombong terhadap kepentingan keselamatan lombong. Jabatan Galian sentiasa memeriksa dan memberi nasihat serta mengeluarkan arahan-arahan mengenai keselamatan lombong kepada pelombong-pelombong sekalian. Untuk memperkemas lagi keselamatan di lombong-lombong tindakan sedang diambil oleh Jabatan Galian untuk mengarahkan tiap-tiap pelombong menubuhkan sebuah Jawatankuasa Keselamatan yang dapat menjaga keselamatan lombongnya dan bertanggungjawab atas semua tindakan berkenaan dengan keselamatan.

Di samping arahan-arahan yang telah dikeluarkan kepada Merinyu-merinyu Galian bagi memperhebatkan lagi pemeriksaan lombong-lombong langkah juga diambil untuk menentukan keadaan kestabilan tanah (soil stability) sebelum sesebuah lombong dibenarkan untuk diusahakan. Makmal Juruteknik yang akan ditubuhkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga di Institut Penyelidikan Galian di Ipoh adalah salah satu usaha untuk menjaga keselamatan lombong dari segi kestabilan tanah. Makmal ini membuat kajian-kajian dan memberi panduan kepada pelombong-pelombong mengenai keperluan-keperluan dan cara melombong yang selamat.

Sukalah saya memaklumkan juga iaitu satu Seminar Kebangsaan Perusahaan Logam (National Seminar on the Mining Industry) akan diadakan pada bulan Ogos yang akan datang ini. Seminar ini akan memberi tekanan kepada semua aspek pelombongan khususnya keselamatan lombong. Seminar tersebut dijangka akan memberi panduan

untuk meninggikan lagi kesedaran-kesedaran terhadap keselamatan pelombongan dan kesimpulan-kesimpulan yang dicapai akan dipertimbangkan untuk perlaksanaan bagi kebaikan kesemua pihak yang terlibat. Dengan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil itu adalah diharapkan bahawa kita akan dapat mengelakkan kemalangan lombong bagi masa yang akan datang.

Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit samada kajian dibuat dibezakan kemalangan di tempat-tempat lain dengan kemalangan di lombong, umpamanya, kemalangan jalanraya dan kemalangan lombong. Sebabnya saya bertanya adalah apabila ada satu kemalangan di lombong hebahnya satu negara tetapi kemalangan-kemalangan yang lain

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini tidak berkaitan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, kejadian di Ipoh berkenaan lombong begitu juga di Jalan Puchong, Batu 8 dan yang dinyatakan dalam soalan ini juga berkenaan lombong dan telah diberi arahan yang telah dibaca oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Empat bulan selepas itu di Kampung Penaga di mana ramai bumiputra yang duduk di situ. Ada berita di dalam surat khabar mengatakan tiga empat buah rumah di situ masuk dalam lombong, kalau orang Melayu itu tidak cepat melompat orang itupun tertaman dengan vannya masuk ke dalam lombong. Arahan yang diberi apa yang dikatakan dan dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi memang arahan diberi dan sedap didengar. Tetapi adakah pegawai-pegawai pelombongan di Kementerian pergi menyiasat dan menengok oleh kerana yang dipancut air itu bukan tanah kepunyaannya pun dimakannya juga untuk mendapat keuntungan yang lebih. Pejabat Pelombongan tutup mulut, tutup mata. Jadi boleh atau tidak disiasat di atas perkara ini oleh kerana arahan telah diberi dan apa sebabnya perkara ini terjadi juga.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa sungguhpun ada kejadian yang berlaku di Ipoh dan di Puchong dari satu masa ke satu masa barangkali

disebabkan oleh hujan lebat dan sebagainya. Barangkali apa yang berlaku adalah kejadian seperti yang terjadi di tempat-tempat yang lain. Tetapi apabila berlaku lombong runtuh, Merinyu Galian mestilah membuat satu pemeriksaan di bawah undang-undang Galian yang mana dalam pemeriksaan itu mesti ditimbang siapa yang salah. Kalau kesalahan itu terletak di pihak majikan atau pelombong tindakan terus diambil yang mana sekarang denda kesalahan ini pun telah naik 5 hingga 10 kali ganda. Dengan ini saya harap pihak swasta atau pelombong-pelombong akan mengambil perhatian yang berat atas kejadian-kejadian yang mengakibatkan kerugian atau kehilangan nyawa. Pada amnya keselamatan di lombong-lombong itu adalah tanggungjawab pelombong-pelombong tetapi pegawai-pegawai di Jabatan Galian sentiasa dari satu masa ke satu masa memberi nasihat untuk menjaga keselamatan pekerja-pekerja atau penduduk-penduduk di sekitar lombong itu dan kalau ada sebab-sebab yang mana berlaku kejadian seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, kalau beliau boleh memberi butir-butirnya Kementerian saya boleh memeriksa dengan lebih lanjut lagi perkara itu.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit sahaja lagi soalan tambahan. Ini bukan lagi lapuran yang patut saya beri tetapi lapuran dalam suratkhbar menyatakan sudah tiga kali Pejabat Lombong datang menyiasat tetapi sayang sedikit apa sebabnya tidak ada tindakan diambil supaya lombong itu dihentikan daripada bekerja di situ. Tanah Kerajaan pun habis disantapnya.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya kata tadi saya yakin bahawa penyiasatan pun telah diambil tetapi saya tidak tahu butir-butir kejadian seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun saya boleh memeriksa perkara ini dan memberi pengakuan di sini kalau sebab-sebab itu ialah satu sebab di mana keselamatan tidak dapat dijaga dengan baik oleh pelombong-pelombong itu kalau perlu operation, pelombong itu mungkin boleh ditahan.

MATAPELAJARAN AKHLAK DI SEKOLAH-SEKOLAH

9. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sejauh manakah kemajuan telah dibuat oleh Kementerian ini untuk memasukkan matapelajaran akhlak (moral) dalam sukatan pelajaran sekarang bagi penuntut-penuntut di sekolah-sekolah rendah dan menengah dan institusi-institusi pelajaran tinggi di negara ini memandangkan bahawa nilai moral belia-belia kita telah jatuh sekarang;
- (b) (i) apakah reaksi orang ramai tentang keputusan Kerajaan untuk mengambil pentadbiran beberapa buah sekolah agama di negara ini;
- (ii) adakah Kementerian ini akan memastikan bahawa guru-guru agama di sekolah-sekolah tersebut mendapat latihan perguruan yang sebenar memandangkan bahawa setengah daripada mereka kurang berkelayakan;
- (iii) berhubung dengan kekurangan buku-buku teks agama khususnya dalam bahasa Arab di sekolah-sekolah tersebut, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian ini untuk mengatasinya.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang dipertua, oleh kerana soalan ini panjang sedikit jadi saya minta izin menjawab panjang sedikit.

- (a) Kementerian Pelajaran memang memandang berat tentang soal moral dan telah pun mengambil beberapa langkah positif bagi memasukkan matapelajaran akhlak dalam sukatan pelajaran di sekolah-sekolah.
- (i) Buat masa ini nilai-nilai akhlak sudahpun ada dalam sukatan pelajaran yang diikuti di sekolah-sekolah seperti dalam matapelajaran Kajian Tempatan dan Sivik. Kedua-dua matapelajaran ini sememangnya adalah matapelajaran yang diwajibkan di semua sekolah dari Darjah I di peringkat Rendah hingga ke Tingkatan 5 di peringkat Menengah. Di peringkat Rendah, nyata terdapat banyak nilai-nilai akhlak dalam matapelajaran Kajian Tempatan yang di-

ikuti oleh murid-murid Darjah Satu hingga Tiga dan Pelajaran Sivik bagi murid-murid Darjah Empat hingga Enam. Di peringkat Menengah pula lebih banyak mengandungi nilai-nilai akhlak dalam pelajaran Sivik dari Tingkatan Satu hingga Lima. Bagi murid-murid yang beragama Islam nilai-nilai akhlak ini diperkukuhkan lagi melalui pendidikan Uagama Islam.

- (ii) Usaha yang konkrit yang diambil oleh Kementerian Pelajaran ialah Penubuhan sebuah Jawatankuasa Pendidikan Akhlak awal tahun 1977 ini yang ditugaskan untuk menggubal sukatan pelajaran pendidikan akhlak.
- (iii) Soal akhlak memang sejak dahulu dititikberatkan kerana unsur-unsur moral sentiasa disisipkan di sekolah dalam semua matapelajaran oleh semua guru-guru di dalam bilik darjah dan juga dalam pergerakan luar seperti sukan, pasukan sukarela dan sebagainya. Di dalam pergerakan di dalam dan di luar bilik darjah ditekankan tentang konsep akhlak.
- (iv) Di dalam Institusi Pelajaran Tinggi nilai akhlak sentiasa ada dan dititikberatkan. Misalnya Dalam Tingkatan Enam nilai akhlak disisipkan dalam semua matapelajaran di dalam dan luar bilik darjah dan juga dalam gerakan luar bilik darjah. Langkah-langkah untuk menanamkan konsep akhlak di kalangan pelajar-pelajar maktab dan universiti tidak pernah diabaikan. Di Universiti Teknologi Kebangsaan, Pelajaran Akhlak dan Ketatanegaraan dijadikan sebagai pelajaran asas. Di Universiti Kebangsaan Malaysia unsur moral sedia terdapat dengan adanya Fakulti Islam. Begitu juga dengan Universiti Malaya sebuah badan khas telah ditubuhkan di bawah seorang Timbalan Naib Canselor menjaga Hal Ehwal Pelajar. Badan ini bertanggungjawab tentang hal ehwal Disiplin Pelajar. Dengan hujjah-hujjah di atas nyata

yang Kementerian Pelajaran sentiasa menyedari perlunya unsur moral disemaikan di kalangan penuntut-penuntut supaya nilai moral di negara kita tidak terjejas. Penubuhan Jawatankuasa Pendidikan Akhlak pada awal tahun 1977 ini akan memesatkan lagi pengajaran akhlak di sekolah nanti.

- (b) (i) Setakat ini Kementerian Pelajaran belum menerima apa-apa bantahan atau bangkangan daripada orang ramai tentang keputusan Kerajaan untuk mengambilalih pentadbiran beberapa buah sekolah agama di negeri ini, sebaliknya jika diperhatikan daripada liputan surat-khabar-surat khabar tempatan terdapat ulasan daripada pemimpin-pemimpin pertubuhan orang-orang Islam menyalu-alukan keputusan ini. Oleh itu, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa orang ramai menyokong keputusan ini.
- (ii) Setengah daripada guru-guru agama sekolah-sekolah menengah agama yang diambilalih itu mempunyai latihan perguruan dan setengahnya tidak mempunyai Latihan Perguruan. Mereka yang tidak terlatih itu akan diberi peluang mendapat Latihan Perguruan seperti guru-guru yang lain.
- (iii) Kementerian Pelajaran sedar akan kekurangan buku-buku teks agama khususnya di dalam bahasa Arab. Bagi mengatasi kekurangan itu, Kementerian bercadang untuk memberi peluang kepada guru-guru agama di sekolah-sekolah bagi menyusun buku-buku teks agama dan kemudahannya akan memproseskan pengeluaran buku-buku itu mengikut saluran biasa seperti buku-buku yang lalu.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sehubungan dengan ini ingin saya bertanya adakah Kementerian berkenaan sedar bahawa guru-guru agama yang tidak berkemampuan mengajar pelajaran selain daripada matapelajaran agama telah menyebabkan penyelewengan terhadap tugas sebagai guru agama dan juga malahan akhlak mereka lebih keterlaluan

dibandingkan dengan guru-guru yang lain dalam bidang budi pekerti dan akhlak.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, jika ada guru-guru semacam itu saya berharap Ahli Yang Berhormat itu boleh memberitahu saya dan saya akan mengambil langkah untuk mengatasi perkara itu.

LEMBAGA PERANCANG KELUARGA

10. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan dalam rancangan keluarga untuk mengurangkan perkembangan bilangan penduduk di dalam negara kita ini sekarang. Samada beliau boleh memberikan peratus perkembangan bilangan penduduk-penduduk negara ini pada masa sekarang dari segi:

- (i) Negara pada keseluruhan;
- (ii) Kaum Melayu;
- (iii) Kaum China;
- (iv) Kaum India;
- (v) dan lain-lain.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Perancang Keluarga Negara telah ditubuhkan oleh Kerajaan dalam tahun 1966 selepas Akta Perancang Keluarga (Bil. 42 Tahun 1966) diluluskan oleh Parlimen. Rancangan ini menitik beratkan kesihatan ibubapa dan anak-anak serta kesejahteraan keluarga di samping merupakan salah satu faktor yang mungkin mempengaruhi kadar pertumbuhan penduduk. Di dalam Rancangan Pembangunan Malaysia Pertama hingga keempat adalah dianggarkan kadar pertumbuhan penduduk akan menurun daripada 3% dalam tahun 1966 kepada 2% dalam tahun 1985.

Kadar Kelahiran Kasar telah menurun daripada 46.2 bagi tiap-tiap 1,000 penduduk dalam tahun 1957 kepada 38.6 bagi tiap-tiap 1,000 penduduk dalam tahun 1966. Ini jelas menunjukkan bahawa kadar kelahiran kasar telah didapati menurun semenjak tahun 1957 lagi iaitu sebelum adanya rancangan perancang keluarga kebangsaan ini. Ini bermakna selain daripada aktiviti perancang keluarga ada beberapa faktor yang lain seperti pembangunan negara dan faktor-faktor seperti struktur umur penduduk, taburan penduduk

mengikut jantina dan status perkahwinan juga mempunyai pengaruh ke atas pertumbuhan penduduk. Walau bagaimanapun, kadar kelahiran kasar telah banyak menurun daripada 38.6% dalam tahun 1966 kepada 30.7% dalam tahun 1974 iaitu sebanyak 20.5% berbanding dengan 16.5% di antara tahun 1957 dan 1966. Oleh yang demikian, kajian sedang dijalankan untuk menentukan sejauh manakah rancangan perancang keluarga dan juga faktor-faktor lain yang tersebut telah dapat mempengaruhi pertumbuhan penduduk di negara ini.

Selain daripada pertanda-pertanda di atas Jumlah Kadar Kesuburan (Total Fertility Rates) juga telah didapati turun daripada 6.110 dalam tahun 1960 kepada 4.395 dalam tahun 1973 menunjukkan bahawa frequency kelahiran di kalangan wanita berumur di antara (15-49) telah banyak menurun, berbanding dengan tahun-tahun sebelum program dimulakan.

Di samping itu dengan adanya kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan yang baik dan meluas, kadar kematian kasar di negara ini telah banyak berkurangan. Dalam tahun 1957 kadar kematian kasar ialah 12.4 bagi tiap-tiap 1,000 penduduk manakala dalam tahun 1974 kadar kematian kasar telah turun kepada 6.3 bagi tiap-tiap 1,000 penduduk iaitu sebanyak 49%. Dengan itu, jangka lama hidup bagi kaum laki-laki dan kaum perempuan juga telah meningkat daripada 55.7 dalam tahun 1957 kepada 64.0 dalam tahun 1973 bagi kaum lelaki dan 58.2 dalam tahun 1957 kepada 68.5 dalam tahun 1973 bagi kaum perempuan.

Purata tahunan kadar perkembangan penduduk di Malaysia di antara tahun 1970-1975 ialah 2.7%.

BEKALAN LETRIK DI BANDARAYA GEORGE TOWN

11. Datuk Syed Hassan Aidid minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan :

- (a) samada Kementerian ini sedar bahawa bekalan elektrik di kawasan-kawasan Bandaraya George Town di Pulau Pinang selalu dipotong sejak akhir-akhir ini tanpa diberi sebarang notis terlebih dahulu kepada penduduk-penduduk di sana yang mana telah menyebabkan ke-

susahan kepada mereka; dan

- (b) jika ya, mengapa dan adakah keadaan ini akan berterusan.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar terdapat gangguan bekalan letrik di kawasan-kawasan Bandaraya George Town, Pulau Pinang seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu.

Pada tahun ini gangguan-gangguan telah berlaku lima kali pada 1hb Februari; 4, 12, 15 dan 26hb Mac. Ternyata bahawa bulan yang paling teruk ialah bulan Mac.

Kementerian saya memandangkan berat keadaan ini. Mengikut siasatan yang dijalankan keadaan gangguan ini berlaku disebabkan oleh kerja-kerja penggalian yang telah dijalankan oleh beberapa jabatan-jabatan perkhidmatan yang lain yang mana telah beberapa kali menyebabkan kerosakan kepada kabel-kabel Lembaga Letrik Negara. Arahan telahpun diberi kepada LLN berhubung dengan pihak yang berkenaan untuk mengelakkan keadaan seperti itu pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah tambahan, pada masa sekarang kerja-kerja sedang dijalankan untuk mengadakan kabel tambahan yang akan merupakan pembekal pengganti sekiranya berlaku kerosakan seperti itu di masa hadapan. Kabel ini akan berjalan dari Datuk Keramat ke Chowrasta, dari Chowrasta ke Kampung Jawa dan dari Datuk Keramat ke Tanjung Bunga. Kerja dijangka siap dalam tempoh sebulan lagi.

Untuk mengukuhkan sistem bekalan letrik pada masa jangka panjang tiga sub-station sedang dibina di Datuk Keramat, Chowrasta dan Kampung Jawa. Kerja dijangka akan selesai pada penghujung tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk soal-jawab selama satu jam telah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 17 adalah diberi di bawah ini).

RUMAH AWAM KOS RENDAH

12. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan, memandangkan bahawa Kerajaan telah menguntukkan banyak wang kepada pembinaan dan pembaikan rumah-rumah harga murah bagi golongan pekerja:

- (a) samada projek ini telah dimulakan, dan jika ya, di mana;
- (b) jika ada di antara golongan pekerja yang telah berjaya sila sebutkan nama-nama mereka.

Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Datuk Michael Chen Wing Sum): Soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah kurang jelas kerana ianya tidak menerangkan golongan pekerja apa yang dimaksudkan, oleh itu saya hanya dapat memberi jawapan secara umum sahaja dengan menghadkan jawapan saya itu kepada pembinaan perumahan awam kos rendah.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$469.5 juta untuk pembinaan perumahan awam kos rendah dan jumlah ini termasuklah untuk projek-projek sambungan Rancangan Malaysia Kedua dulu. Rumah-rumah dalam rancangan ini adalah ditujukan khususnya kepada rakyat Malaysia dalam golongan berpendapatan rendah yang berkelayakan serta meliputi semua kategori pekerja-pekerja dalam semua mata pencarian samada yang makan gaji atau pun bekerja sendiri. Rancangan seumpama ini sebenarnya telah dimulakan sejak tahun lima puluhan dulu dan akan diteruskan pada masa ini dan masa-masa akan datang oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Projek-projek ini adalah dilaksanakan di sekitar tanahair terutama di kawasan-kawasan yang memerlukannya samada di kawasan bandar ataupun luar bandar.

Mengenai soalan (b) Ahli Yang Berhormat itu adalah sukar untuk menjawabnya dalam Dewan Yang Mulia ini kerana ia meliputi beribu-ribu nama dan dari itu akan mengambil masa yang terlalu panjang. Namun demikian sekiranya diperlukan oleh beliau, Kementerian saya akan meminta Kerajaan-kerajaan Negeri serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk berhubung terus dengan beliau.

PENGGANAS KOMINIS

13. Datuk Haji Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Luar Negeri memandangkan bahawa negara kita telah mengadakan hubungan rasmi dengan negara-negara Kominis maka selama itu juga negara kita berterusan diancam oleh pemberontak kominis, dapatkah Kerajaan pastikan bahawa mereka itu menerima sokongan moral atau material daripada Kerajaan-kerajaan negara Kominis itu atau daripada parti kominis dari Negeri-negeri itu.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Setakat ini tidak ada bukti yang menunjukkan pengganas kominis telah menerima bantuan material daripada Kerajaan asing atau daripada parti politik asing. Istilah moral ini adalah luas maknanya maka sukarlah saya dapat memberi jawapan dari hal ini.

MENAMBAHKAN MENTERI-MENTERI

14. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa beliau tidak boleh mendapat masa rihat yang cukup dan sentiasa sibuk setiap masa hinggakan mempunyai sangat sedikit masa untuk keluarga, dan jika ya, samada beliau bercadang hendak menambahkan bilangan Menteri-menteri di bawah potfolionya untuk memikul bebannya bersama.

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Saya mengucapkan terima kasih di atas perhatian dan ingatan Ahli Yang Berhormat terhadap kebajikan Y.A.B. Perdana Menteri dan keluarganya.

Memandangkan bahawa pentadbiran negara adalah kompleks, tanggungjawab Perdana Menteri memanglah berat. Oleh yang demikian, perkara menambahkan Menteri-menteri adalah ditimbang dari semasa ke semasa. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, baru-baru ini 6 orang Timbalan Menteri baru telahpun dilantik. Ini sedikit-sebanyak telah meringankan beban tugas dan tanggungjawab beliau sebagai Perdana Menteri.

Walau bagaimanapun, di bawah potfolio Perdana Menteri sekarang ini, di samping Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri telah ada seorang Menteri dan dua orang Timbalan Menteri. Buat masa sekarang, ini adalah mencukupi dan beliau belum bercadang untuk menambahnya.

ENAKMEN KEDIAMAN TERHAD

15. Datuk Abdul Aziz bin Tapa minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bagaimanakah dasar menempatkan pesakit-pesakit yang bertaraf "buang daerah" di negara ini memandangkan bahawa ramai pesakit-pesakit ini ditumpukan pada satu-satu pekan tertentu sahaja dan bilangan mereka telah menjadi masalah kepada penduduk-penduduk di pekan-pekan yang berkenaan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tindakan menyekat tempat kediaman seseorang adalah diambil di bawah undang-undang samada Enakmen Kediaman Terhad Bab 39, Ordinan Mencegah Jenayah No. 13/59 ataupun Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 5/69, bagi mencegah mereka daripada terus terlibat di dalam kegiatan-kegiatan jenayah.

Sebelum seseorang disekat kediamannya ke mana-mana tempat atau kawasan, penelitian yang rapi dibuat bagi menentukan kesesuaian tempat yang dicadangkan itu. Perkara-perkara yang ditimbang termasuklah peluang pekerjaan yang sejajar dengan kebolehan mereka, keupayaan pihak polis untuk mengawasi gerak-geri mereka dan keadaan tempat yang boleh menjamin mereka dari mengulangi kegiatan-kegiatan lama. Dalam perkara ini sukalah saya menegaskan bahawa Kerajaan bukanlah menumpukan mereka ke satu-satu tempat atau kawasan dengan begitu sahaja.

HARGA TAWARAN PADI

16. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan harga berbagai-bagai grade padi sebagaimana yang diminta oleh petani-petani seperti yang terdapat di pasaran sekarang iaitu \$24, \$26 dan \$28 sepikul yang mana didapati harga-harga ini tidak seimbang dengan pendapatan petani-petani dan belanja pengeluaran padi.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Harga Tawaran Padi yang ada pada masa sekarang adalah diperingkat \$24, \$26, \$28 sepikul bagi padi-padi kelas pendek, sederhana dan panjang. Harga-harga ini adalah selaras dengan harga beras yang telah ditetapkan di bawah kawalan harga beras Kerajaan dan daripada data-data yang ada adalah didapati berpatutan dari segi

belanja pengeluaran padi. Oleh yang demikian buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan lagi harga padi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan sejak mengisytiharkan Harga Tawaran Padi sejak tahun 1973 yang lalu telah mengubahkan Harga Tawaran tersebut sebanyak tiga kali.

Harga Tawaran Padi yang ditetapkan pada kadar tersebut boleh dikatakan harga minima yang sudah pasti didapati oleh petani-petani. Tetapi pada praktiknya petani-petani mendapat harga yang lebih tinggi. Beras adalah menjadi bahan makanan utama rakyat di negara ini dan dengan ini sebarang perubahan harga padi akan dengan sendirinya melibatkan kebajikan seluruh penduduk-penduduk di negara ini. Kenaikan harga beras mempunyai implikasi yang besar terhadap industri padi dan beras keseluruhannya. Pengilang-pengilang sudah tentu sekali menaikkan harga jualan beras dan ini akan melibatkan harga beras di pasaran tempatan dan seterusnya pengguna-pengguna. Di samping itu Kerajaan juga akan memastikan bahawa petani-petani mendapat harga padi yang berpatutan, seimbang dengan kos pengeluaran. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengkaji harga-harga padi bagi tiap-tiap musim.

AJENSI PEKERJAAN SWASTA

17. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan apakah hasil pelancaran di atas penyiasatan terhadap kakitangan agensi pekerjaan swasta yang menjalankan operasi penipuan secara besar-besaran dengan membuat janji palsu untuk menawarkan pekerjaan kepada orang ramai. Berapa jumlahnya yang telah diambil tindakan undang-undang dan jumlah yang menjadi mangsa hasil daripada penyiasatan itu.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Semua kelulusan agensi pekerjaan swasta adalah dibuat oleh pendaftar Perniagaan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini suatu persefahaman telah diadakan di antara Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dengan Pendaftar Perniagaan dan dengan adanya

persefahaman ini maka Pendaftar Perniagaan telah merujuk semua permohonan-permohonan untuk membuka agensi pekerjaan swasta kepada Kementerian saya untuk penyiasatan. Penyiasatan yang dimaksudkan ialah untuk melihat samada pemohon agensi pekerjaan swasta itu mempunyai kemampuan untuk mendaftar dan menempatkan mereka-mereka yang mendaftarkan diri di agensi mereka. Dengan cara ini adalah diharapkan mereka yang tidak bertanggungjawab tidak akan dapat mengambil kesempatan di atas keadaan di mana banyak penganggur-penganggur yang ingin mendapatkan pekerjaan di dalam pasaran buruh. Sehingga kini Kementerian saya tidak dapat apa-apa lapuran di atas penipuan secara besar-besaran yang telah dibuat oleh agensi pekerjaan swasta. Walau bagaimanapun Kementerian saya sentiasa memerhati perkembangan-perkembangan dan aktiviti-aktiviti yang sedang dijalankan oleh agensi-agensi swasta ini dari masa ke semasa dan jika keadaan memerlukan, Kementerian saya akan mengambil tindakan-tindakan yang sesuai.

Untuk makluman, Kementerian saya telah membuat satu kajian berkenaan dengan aktiviti-aktiviti agensi pekerjaan swasta yang terdapat di Semenanjung Malaysia tidak berapa lama dahulu. Dalam kajian yang telah dibuat itu telah didapati sebanyak 21 buah agensi pekerjaan swasta menjalankan aktiviti-aktiviti pendaftaran dan penempatan pencari-pencari pekerjaan dalam tahun 1975. Kebanyakan daripada agensi-agensi ini adalah di dalam bandar-bandar besar seperti Pulau Pinang, Ipoh, Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Bagi tahun 1975 semua agensi-agensi pekerjaan swasta yang dapat dikesan oleh Kementerian saya telah mendaftar lebih kurang 4,547 pencari-pencari pekerjaan. Daripada jumlah ini lebih kurang 1,439 orang telah dapat ditempatkan di dalam pekerjaan-pekerjaan yang sesuai. Jika dibandingkan jumlah pendaftaran dan penempatan yang telah dilakukan oleh agensi pekerjaan swasta ini dengan angka pendaftaran dan penempatan yang dijalankan oleh Perkhidmatan Pekerjaan di bawah Kementerian saya, adalah diperhatikan bahawa aktiviti agensi pekerjaan swasta ini merupakan satu aktiviti yang kecil sahaja. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan sentiasa mengawasi perkembangan agensi pekerjaan swasta ini dan jika sekiranya terdapat penipuan secara

besar-besaran dijalankan oleh agensi-agensi ini Kementerian saya tidak akan ragu-ragu untuk mengambil tindakan yang sesuai bagi mengawal agensi-agensi ini.

Sementara itu saya ingin menyatakan di sini bahawa jika sekiranya mana-mana pihak mendapati adanya agensi-agensi pekerjaan swasta yang telah menjalankan penipuan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat supaya melapurkan perkara itu terus kepada Kementerian saya supaya dapatlah satu-satu tindakan yang sesuai diambil.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak se-pertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Keempat.” (19hb April, 1977).

3.35 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya semalam berhubung dengan dasar pelaksanaan Perancang Keluarga Negara ini, sukacita saya menarik perhatian pihak yang berkenaan tentang kita sekarang ini kekurangan tenaga kerja di kawasan-kawasan luar bandar terutama sekali di bidang pertanian. Kalau kita melawat ke kawasan rancangan perairan seperti MUDA, Kedah, KADA di Negeri Kelantan dan kawasan-kawasan sawah di Sabah dan Sarawak kita dapati ada tanah-tanah bendang yang tinggal terbiar tanpa diusahakan. Satu daripada sebab-sebabnya adalah kerana kekurangan tenaga pekerja. Bagi

mengatasi keadaan ini perlaksanaan dasar Perancang Keluarga ini perlu diubahsuaikan dari mengurang bilangan beranak pada satu-satu keluarga di luar bandar itu kepada menggalakkan ibu-ibu mengandung dengan kesihatan yang sebaik-baiknya dengan menggunakan nasihat-nasihat daripada pegawai kesihatan dan dan pegawai-pegawai Perancang Keluarga sendiri.

Saya bersetuju dengan penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Yang Berhormat Datuk Haji Othman Abdullah tempoh hari bahawa Perancang Keluarga bukan untuk menyekat kelahiran, tetapi bertujuan mengatur dan menyusun keluarga supaya berada dalam keadaan yang baik, selamat dan bahagia. Jadi amatlah sesuai Perancang Keluarga melaksanakan tugasnya dengan memberi nasihat dan pertolongan kepada ibu-ibu supaya sentiasa sihat dan dapat melahirkan anak-anak yang ramai dan sihat. Jangan sekali memberikan pil-pil yang mencegah hamil kepada ibu-ibu di luar bandar, kerana itu akan menambah kurangkan tenaga manusia yang telah sedia kurang di luar bandar itu. Yang demikian, saya berharap pihak berkenaan memberi layanan kesihatan kepada ibu-ibu dan mengurangkan angka kematian anak-anak di luar bandar. Pihak Kementerian Kesihatan juga perlu mengubahsuaikan dengan menambah bilangan pegawai-pegawai dan klinik-klinik ibu dan klinik-klinik anak di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang nasib petani-petani, kita tidak boleh lari daripada penanam padi, kerana padi walaupun tidak mendatangkan pungutan cukai secara langsung kepada Kerajaan sebagaimana getah dan kelapa sawit, tetapi padi adalah bahan keperluan seluruh rakyat negara ini dari tertinggi-tinggi hingga kepada serendah-rendah rakyat negara ini, semuanya memerlukan beras. Beras tidak akan didapati kalau petani-petani kita tidak menanam padi. Kita tidak boleh bergantung kepada beras yang diimport dari negara-negara lain kerana nasib hidup seluruh rakyat negara ini tidak boleh diserahkan kepada kasihan belas negara-negara asing. Kita berterima kasih kerana Kerajaan telah membina kemudahan perairan bagi melipatgandakan hasil beras negara ini.

Selain daripada hendak melipatgandakan pengeluaran beras negara, kita juga perlu melipatgandakan taraf kehidupan petani-

petani itu sendiri. Untuk menambahkan pendapatan petani-petani tidak cukup dengan melipatgandakan pendapatan padi kerana bertambahnya pendapatan padi hasil dari bertambahnya kerja membajak, ditambah kegunaan bahan-bahan kimia seperti baja dan racun-racun serangga yang mana semuanya membebankan petani-petani kita membayar lebih akibat kenaikan jumlah kegunaan dan meningkatnya harga barang-barang tersebut, lebih-lebih lagi setelah inflasi baharu-baharu ini, jadi petani-petani terpaksa membayar lebih kepada peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha yang berkenaan. Apa yang boleh didapati oleh petani-petani kita selain daripada menjual padi yang murah, kemudian terpaksa membayar balik perbelanjaan mereka yang melambung tinggi. Menahan harga padi jangan naik tidak bererti menolong petani-petani itu. Tidak adil kalau harga barang-barang keperluan petani tidak diberikan dengan harga yang murah, tetapi harga padi mereka disekat dan dipaksa jual dengan harga yang murah. Bagi menolong petani-petani saya syorkan pihak Kerajaan menaikkan harga padi tempatan samada melalui subsidi Kerajaan atau di atas tiap-tiap pikul padi yang dihasilkan oleh petani-petani kita kalau Kerajaan hendak mengekalkan harga beras yang ada sekarang ini. Saya bersetuju supaya harga beras perlu dikawal supaya bahan penggunaan beras dalam negara ini tidak bertambah akibat inflasi. Golongan pekerja-pekerja dan pegawai-pegawai Kerajaan boleh menggunakan kesatuan-kesatuan mereka menuntut kenaikan gaji untuk menampung inflasi, kalau perlu mereka menggunakan ancaman mogok dan sebagainya, tetapi petani-petani kita tidak ada kesatuan dan tidak pernah mengancam mogok. Bagi membalas jasa dan khidmat mereka kepada negara dan masyarakat, maka perlulah Kerajaan mengizinkan harga padi mereka dinaikkan sesuai dengan kenaikan barang-barang keperluan hidup dan barang-barang keperluan pertanian mereka sekarang ini.

Pada akhirnya saya ingin menyentuh dalam masalah kejatuhan moral dalam negara kita sekarang ini yang berhubung dengan keganasan sex. Saya masih tidak nampak kenapa pihak Kementerian Kesihatan dan pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yang bertanggungjawab terhadap pakaian uniform jururawat wanita dan juga Polis wanita kita hingga sekarang masih

tidak mahu mengubahsuaikan pakaian uniform pegawai-pegawai wanita tersebut supaya sesuai dengan ugama Islam, ugama negara Persekutuan ini. Tidakkah lebih sesuai kalau kepada bidan dan jururawat-jururawat wanita kita diberikan uniform seluar dan baju panjang sebagaimana dikenakan kepada uniform doktor-doktor dan pembantu-pembantu hospital lelaki yang memakai seluar dan baju panjang itu? Begitu juga dengan Polis wanita, kalau Polis lelaki boleh diadakan uniform seluar panjang kenapa kepada Polis wanita tidak diberikan uniform sedemikian juga. Untuk memberi pakaian yang senang bergerak dengan cergas, seluar panjang tidak kurang memudahkan bergerak cergas sebagaimana dibuktikan dengan uniform Angkatan Bersenjata kita sekarang ini.

Saya berharap kedua-dua Kementerian Kesihatan dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri ini dapat mengubahsuaikan uniform pakaian-pakaian kakitangan bahagian perempuan mereka di Kementerian masing-masing supaya sesuai dengan prinsip Islam ugama negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, penyudahnya sekali lagi saya menyatakan sokongan saya atas usul menjunjung kasih terhadap Titah Ucapan Tuanku Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Keempat pada 21-3-1977 dahulu.

3.44 ptg.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong dengan sepenuh hati usul mengucapkan banyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Keempat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Kam Woon Wah pada dua hari yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya mengucapkan tahniah kepada Kebawah Duli kerana di bawah pemerintahan Baginda, pemerintahan yang cemerlang ini Malaysia sedang mempunyai satu Kerajaan yang berdinamik di bawah pimpinan seorang Perdana Menteri yang dalam 15 bulan Yang Amat Berhormat itu menjadi Perdana Menteri telah membuktikan diri sebagai seorang Perdana Menteri bukan sahaja jujur dan ikhlas tetapi juga cekap dan tekun dan tabah hati dan yang penting sekali bersikap sederhana ter-

hadap negara yang mempunyai rakyatnya terdiri dari berbagai kaum, kebudayaan dan ugama. Sukacitalah saya berkata di sini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mendapati penghormatan dan keyakinan oleh seluruh rakyat dalam Malaysia kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kemajuan yang luas dan cepat sedang diadakan di negara kita dan negara kita sedang menghadapi kekurangan pakar-pakar sains dan teknikal untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga kebanyakan pegawai Kerajaan yang bersara dengan mendapat pencen adalah orang yang berpengalaman yang akan memberi perkhidmatan yang lebih berkesan dan lebih berfaedah kepada negara kita. Jikalau dipanggil kembali untuk memberi perkhidmatan yang mereka sudah mahir, apa salahnya jikalau umur bersara dinaikkan dari 55 tahun kepada 65 tahun, sungguhpun keadaan pesara akan memberi peluang kepada pegawai di bawahnya dan yang lebih muda untuk dinaikkan pangkat. Oleh yang demikian, saya bercadang supaya Kerajaan meningkatkan umur bersara supaya dilaksanakan dengan bersifat memilih (selective category), category yang diperlu dikehendaki sahaja. Sebenarnya mengikut kemajuan perubatan pada hari ini seseorang berumur 55 atau 60 tahun tidak dianggap orang tua atau orang yang tidak berguna kepada masyarakat dan negara lagi. Sebenarnya orang seperti inilah orang yang mempunyai kematangan akal dan penuh pengalaman yang akan memberi perkhidmatan dengan penuh faedah jikalau diberi peluang oleh pihak berkuasa kembali bekerja atas lapangan yang mereka mahir.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang berat di negara kita yang telah menelan wang dan harta benda sebanyak berpuluh-puluh juta ialah masalah kebakaran. Sebagai contoh mengikut laporan pihak Bomba daripada Januari hingga Oktober tahun 1975 harta benda bernilai sebanyak \$23 juta telah dimusnahkan api. Dalam Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan sahaja ini adalah 24.5 peratus dari keseluruhan kerugian akibat kebakaran Semenanjung dalam tempoh 10 bulan itu dan kerugian ini sedang meningkat selepas masa itu. Jikalau kita bandingkan kerugian tahun yang lepas dengan tahun 1975 dan 1965, kerugian akibat kebakaran berjumlah \$4.27 juta sahaja dan sepanjang tahun 1975 jumlah

meningkat sampai \$48.36 juta. Ini kerugian secara langsung sahaja, apatah lagi kerugian tidak langsung yang tidak dapat kita menilai.

Dengan pembangunan negara kita dengan pesat dan bangunan-bangunan telah bertambah banyak di seluruh negara kita, saya tidak syak lagi kerugian tahunan tidak akan dikurangkan tanpa langkah-langkah yang positif diambil oleh Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, masalah ini sungguh penting dan tidak boleh mempengaruhi iklim penanam modal perusahaan negara kita. Masalah ini patutlah diambil berat sekarang juga dan jangan menunggu-nunggu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana rakan-rakan saya dalam Dewan yang mulia ini telah maklum pada 26hb Januari, 1976 kebakaran yang hebat telah berlaku di Jalan Pengkalan Chepa, Kota Bharu di mana 70 buah rumah kediaman dan 17 buah rumah kedai telah dimusnah api dan lebih daripada 100 keluarga terlibat diakibatkan kehilangan rumah dan harta bendanya. Pada masa itu lebih dari 10 buah kereta bomba termasuk kereta bomba dari Lapanganterbang Pengkalan Chepa tiba untuk memadam kebakaran itu. Tetapi, malangnya oleh kerana air tidak mencukupi dan salur air (hydrant) itu di tempat itu pun berkarat, kebakaran itu tidak dapat dikawali dan dicegahkan dengan cepat. Pada masa itu iaitu dalam bulan Januari, 1976 Dewan yang mulia ini sedang bersidang dan saya telah menarik perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan tentang masalah kekurangan air di Bandar Kota Bharu. Dalam sidang Dewan ini pula pada 20hb April, 1976 saya menyoal Yang Berhormat Menteri itu samada langkah telah diambil oleh Kerajaan selepas kebakaran besar di Pengkalan Chepa Kota Bharu itu untuk memperbaiki bekalan air yang sangat berkurangan di Bandar Kota Bharu. Jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam ialah rancangan telahpun disusun sebelum daripadanya kebakaran itu oleh Jabatan Kerja Raya ialah pada awal tahun 1976. Kata Yang Berhormat Menteri itu juga dengan berlakunya kebakaran tersebut Kerajaan Negeri Kelantan telah berusaha untuk mempercepatkan rancangan ini. Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun baru-baru ini pula, satu lagi kebakaran yang sedih telah berlaku di Jalan Sultanah Zainab, Kota Bharu, pada jam 2.00 pagi di mana tiga

buah rumah telah dimusnahkan dan lima orang mati di dalamnya termasuk dua orang kanak-kanak dan dua orang gadis pula cedera dan 50% terbakar badannya (50% burnt) dan sedang terlantar di hospital Kota Bharu. Dalam kebakaran ini apa yang terjadi di Pengkalan Chepa, Kota Bharu itu telah diulangi pula dengan tidak ada air dari saluran atau hydrant yang berdekatan.

Saya menyesal berkata di sini pengeluaran air water hose yang digunakan oleh anggota bomba adalah tiris oleh kerana keluaran itu sangat lama dan bocor. Sangat mujur, Tuan Yang di-Pertua, kawasan itu berhampiran Sungai Kelantan dan pihak bomba adalah cerdik dan pintar mendapati air dari sungai itu untuk memadam kebakaran itu dan mencegah kebakaran itu dari melibatkan beratus-ratus rumah papan yang berhampiran dan sebahagian besar rumah yang berhampiran itu sudah berumur lebih 20 tahun dan di sana adalah diduduki oleh beribu-ribu orang dan banyak yang akan mati dan cedera jikalau kebakaran itu tidak dapat dicegahkan.

Tuan Yang di-Pertua, pujian yang tidak terhingga patutlah diberi kepada pasukan bomba Kota Bharu. Saya tidak dapat membayangkan apa yang akan terjadi jika anggota-anggota bomba itu tidak ada presence of mind dan jika tidak bekerja dengan penuh dedikasi, bukan sahaja pada pukul 2.00 pagi hari itu, tetapi juga pada tahun-tahun yang lepas perkhidmatan seperti ini sungguh tidak dinilai. Kepada ahli-ahli bomba Kota Bharu khususnya dan kepada semua pasukan-pasukan bomba amnya saya sukacitalah mengambil kesempatan di sini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan saya ingin bertanya mengapa satu tahun sudah lepas selepas jawapan Yang Berhormat Menteri kepada saya bekalan air di Kota Bharu yang sangat perlu tidak dapat diperbaiki. Sebenarnya bekalan air adalah cukup dari aliran bawah tanah (underground stream) di Kota Bharu itu dan juga Sungai Kelantan seperti yang telah disebutkan oleh pakar-pakar yang membuat kajian teliti atas masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu Kementerian telah mengambil alih Perkhidmatan Bomba Negara. Ini adalah satu

langkah yang progresif dan pandangan jauh dan akan memberi kesan yang positif, tetapi saya ingin bertanya pula samada Kementerian mencadangkan atau telah melaksanakan menukar atau memperbaiki kelengkapan pemadam api pihak bomba yang sebahagiannya lapuk di semua negeri khususnya di Negeri Kelantan. Saya dapat ketahui berkenaan dengan kajian kemungkinan projek mengempang hydro-electric di Sungai Dabung dan Sungai Tualan, Ulu Kelantan ada hydro-electric dan project oleh suatu kumpulan pakar dari New Zealand. Pada faham saya faedah yang akan didapati jikalau projek ini dilaksanakan ialah:

Pertama, pencegahan banjir disebabkan di Kelantan dan juga di negeri-negeri lain. Banjir ini adalah satu kejadian musim tengkujuh mengakibatkan kerugian rakyat yang tidak dapat dinilai.

Kedua, bekalan kuasa letrik yang murah akan didapati.

Ketiga, bekalan air khasnya dalam musim kemarau akan dapat dijamin.

Keempat, kemudahan-kemudahan asas yang begitu perlu atas perkembangan perusahan dan kemajuan ekonomi negeri pada masa yang akan datang, ini akan didapati pula.

Kelima, projek ini akan membawa perkembangan perhubungan ke jajahan Ulu Kelantan dan akan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk dan kawasan yang terlibat; dan

Keenam, akan dapat membekalkan air ke kawasan Kemasin dan Semarak yang begitu kekurangan air supaya tanah di kawasan itu dapat diubahsuai dengan menjadi tanah yang subur.

Sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, projek itu akan melibatkan dengan pemindahan 12,000 rakyat dari kawasan itu dan hendaklah menempatkan semula mereka di kawasan yang baru. Ini bererti satu rancangan raksaksa yang sangat rumit dan mesti diberi penyiasatan yang teliti sebelum keputusan diambil oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kajian ini telah menelan banyak wang dan panjang masa, saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat memberi penjelasan terhadap pengkajian di atas projek tersebut kepada Dewan ini.

Sekianlah sahaja dan sekali lagi saya menyokong Usul ini yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Kam Woon Wan.

3.58 ptg.

Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim: Tuan Yang di-Pertua, saya lebih dahulu mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya turut sama dalam membahaskan Titah Ucapan di-Raja yang dibentangkan di Parlimen yang lepas. Dengan ini patek mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas Titah Ucapan di-Raja yang telah disusun untuk Rancangan Pembangunan Malaysia Ketiga di dalam berbagai aspek dan patek menyokong penuh ucapan Titah Duli Yang Maha Mulia itu.

Saya ingin menarik perhatian kepada agensi-agensi Kerajaan atau badan-badan berkanun dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang tugasnya berlapis. Sebagai contoh saya ambil Lembaga Pertubuhan Peladang, FAMA dan Jabatan Pertanian. Lembaga Pertubuhan Peladang dan FAMA, keduanya menjalankan tugas pemasaran, kadang-kadang di tempat yang sama untuk kumpulan peladang yang sama juga. Kalau tugas ini dijalankan oleh satu badan sahaja pada pandangan saya banyak tenaga kerja dapat dijimatkan serta perbelanjaan diselamatkan.

Satu contoh lagi ialah mengenai subsidi yang diberi oleh Lembaga Pertubuhan Peladang dan Jabatan Pertanian. Lembaga Pertubuhan Peladang memberi subsidi melalui Persatuan Peladang sementara Jabatan Pertanian memberinya kepada orang perseorangan. Ini tidak menggalakkan Semua petani-petani di seluruh negara menjadi Persatuan Peladang yang tujuannya begitu baik hendak menyatukan petani-petani supaya mencapai kemajuan. Begitu juga perkhidmatan trektor yang disediakan oleh kedua-dua badan ini, Jabatan Pertanian mengenakan bayaran lebih murah dari Lembaga Pertubuhan Peladang untuk membajak. Ini menunjukkan kedua-dua badan yang di bawah satu Kementerian seolah-olah bersaing dan berlumba-lumba. Ini menimbulkan keadaan yang tidak sihat serta membingungkan petani-petani, sebab itulah pada pendapat saya setakat ini cuma 30% petani di negara ini yang menjadi ahli Persatuan Peladang.

Seperkara lagi yang ada kaitan dengan petani ialah mengenai percubaan tanaman-tanaman yang baru. Adalah diharap badan-badan berkenaan jangan tergesa-gesa menyuruh petani menanam tanaman baru sebelum terlebih dahulu ditentukan pasarannya. Dari pengalaman yang telah sudah kedapatan petani-petani mengalami kekecewaan.

Kedua, saya suka menyentuh sedikit mengenai pengaliran pelajar-pelajar kepada jurusan sains dan sastera. Pengaliran pelajar-pelajar kepada jurusan-jurusan ini hendaklah dibuat mengikut minat pelajar itu sendiri, ke mana aliran yang disukainya melainkan selepas Tingkatan V ataupun selepas mereka mengambil Peperiksaan Sijil Pelajaran. Saya menyebutkan perkara ini ialah kerana saya berpendapat semua pelajar jurusan akademik hendaklah diberi peluang mengikuti pelajaran yang seimbang termasuk sastera, sains kemanusiaan dan akhlak serta ilmu kemasyarakatan, kerana dengan demikian ini dapat memberi mereka pendidikan yang sempurna. Berkaitan dengan pengaliran ini telah didapati satu kelemahan yang merugikan pelajar-pelajar oleh kerana kita hendak membanyakkan pelajar memasuki bidang sains. Pelajar yang kurang minat dalam sains ditumpukan ke aliran sains tulin dan dari keputusan peperiksaan didapati mereka jatuh sama sekali disebabkan mereka gagal dalam pelajaran sains walaupun mereka mendapat markah terbaik ataupun kepujian dalam bahasa.

Saya cuba mengingatkan Kerajaan mengenai usul-usul wanita hasil dari Seminar Wanita ASEAN dalam bulan November 1976 dan usul Mukhtamar Kedua—April tahun ini pada pandangan saya usul yang paling mendesak dan perlu sangat dilaksanakan ialah mengenai Perbadanan Kebajikan Pekerja-pekerja Wanita kerana berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh wanita sendiri dan oleh masyarakat yang patut diselesaikan dengan terlaksananya perbadanan ini. Seperti yang telah disyorkan di dalam Seminar Wanita ASEAN dan Mukhtamar Kedua bukan sahaja Kerajaan yang mesti bertanggungjawab tetapi pihak majikan dan pertubuhan wanita dan masyarakat seluruhnya sama-sama mempunyai tanggungjawab, tetapi tindakan positif dari Kerajaan adalah perlu.

Akhir sekali, berkenaan dengan Kementerian Perhubungan supaya mengambil berat dan mencari jalan cara mana untuk mengatasi fasal selalu berlaku di jalan-jalanraya lebih-lebih lagi lori yang besar membawa kayu balak dengan lajunya. Sekiranya perkara ini

yang boleh dibawa dengan keretapi patutlah dilarang jangan dibawa dengan lori melainkan susah di kawasan itu tidak boleh dibawa dengan keretapi.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah ucapan saya.

4.03 ptg.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya suka mengambil bahagian di dalam perbincangan usul mengucapkan terima kasih kepada Titah Diraja yang dikemukakan oleh rakan saya dua hari yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan syukur kepada Allah s.w.t kerana daripada kenyataan-kenyataan yang dapat kita lihat bahawa negara kita makin mencapai kejayaan yang cemerlang dalam menghadapi berbagai-bagai masalah dengan berkat kebijaksanaan pucuk pimpinan pemerintahan negara kita di bawah Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn.

Pada hari ini kita dapati kemajuan-kemajuan perindustrian telah bertambah daripada masa-masa yang telah lalu walaupun ada dakwaan-dakwaan bahawa dengan sebab syarat-syarat ataupun peraturan-peraturan yang dikenakan adalah terlampau berat dan boleh menakutkan para pelabur yang datang ke negara kita tetapi kenyataan-kenyataan adalah sebaliknya. Dengan adanya statistik-statistik yang menunjukkan penanaman penanaman modal semakin bertambah setiap masa. Ini adalah satu bukti yang menunjukkan kestabilan negara kita tetapi kita merasa sedikit kebimbangan ialah berhubung dengan kegiatan-kegiatan musuh-musuh negara yang kita katakan tidak berkurangan walaupun berbagai-bagai usaha telah dijalankan oleh pihak Kerajaan bahkan pada masa-masa yang akhir-akhir ini kalau tidak bertambah tetapi tidak juga berkurangan. Kita tahu musuh kita yang besar pada hari ini yang kita nampak ialah dua iaitu pertama komunis dan kedua dadah.

Berhubung dengan komunis walaupun banyak rakan-rakan saya telah menyebutnya dalam dua hari perbincangan ini dijalankan, saya suka hendak menambah sedikit sahaja lagi. Saya rasa sikap Kerajaan kita pada hari ini patut dikaji semula berhubung dengan layanan terhadap mereka yang telah sah didapati memberikan taat-setia mereka kepada komunis. Kerana setelah kita dapati kenyataan-kenyataan, sebagai contoh Samad Ismail

berapa puluh tahun dia telah menganut fahaman itu, kemudian berpuluh-puluh tahun pula dia menikmati kehidupan yang mewah dalam negara kita ini dengan kedudukannya, dengan gajinya yang besar, dengan percampuran yang boleh masuk dalam semua peringkat sehingga ke peringkat yang setinggi-tingginya tetapi dia masih tidak dapat melupakan anutannya kepada fahaman komunis. Jadi ini adalah sebagai satu contoh bahawa bila sahaja seseorang telah menganut fahaman komunis maka selama-lamanya dia akan menjadi komunis. Dengan kerana itu sikap Kerajaan kita yang sentiasa berlembut bila sahaja orang mengaku taat setia maka mereka terus diampunkan dan dibenarkan bergerak cergas dalam masyarakat adalah keadaan yang amat merbahaya sekali. Ada kemungkinan dengan sebab-sebab banyaknya orang-orang yang telah menyesali di masa-masa yang telah lalu yang ditangkap dan dikurung kemudian apabila insaf dia dilepaskan ada setengah-setengahnya diberi jawatan, ada kemungkinan orang-orang inilah yang menjadi spy selama ini yang telah membocor rahsia gerakan Kerajaan kepada rakan-rakan mereka samada di dalam hutan ataupun di dalam bandar yang terlindung di tengah-tengah masyarakat sekarang. Maka dengan sebab itu pada hari ini banyak kedatangan kegiatan-kegiatan mereka yang berlebih-lebihan yang mungkin kadang-kadang nampaknya tidak terkawal. Jadi ini adalah sangat merbahaya sekali. Dengan sebab itu saya rasa patut Kerajaan mengambil ingatan bila sudah kedatangan bahawa seseorang itu sudah betul menyokong komunis maka kita tidak boleh percaya sama sekali kepadanya. Sebab sebagaimana jawapan Timbalan Menteri semalam menyatakan ada setengah orang apabila dia sudah bertaubat satu Jawatan-kuasa akan mengkaji dan menyiasat latar belakangnya jika didapati betul, dilepaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam hati manusia tiada siapa yang boleh menyelamnya. Bercakap keluar dari mulut boleh, apa sahaja dia boleh cakap, kalau dia mahu sesuatu.

Ada pepatah orang Kelantan berbunyi begini :

“Kalau demo hendok kito, gunung emas gunung perok dia bawok mari muka tangga. Tapi kalau dia tak mau, budubelache tak guno”.

Maknanya kalau dia berkehendakkan sesuatu apa sahaja dia akan ucapkan. Kalau suruh cium lutut, kaki pun dia cium tetapi

dalam hatinya Tuhan sahaja yang mengetahuinya. Itulah sebabnya saya rasa kita tidak boleh percaya sama sekali.

Satu lagi contoh, bekas Timbalan Menteri daripada pihak Barisan Nasional sendiri iaitu Datuk Abdullah Ahmad. Siapa sangka dia penyokong komunis? Di mana sahaja dia pergi, dia berucap mengutuk komunis. Bila dia pergi ke mana-mana berucap, merasmikan Pertubuhan-pertubuhan Sukarela, Rukun Tetangga dan sebagainya dia sentiasa menyuruh orang ramai menjaga keamanan negara, membasmikan komunis dan sebagainya tetapi bukti telah menjadi kenyataan, dia sendiri telah mengaku sekarang, dia selama-lamanya dalam masa bercakap lain tetapi dalam hatinya menyokong komunis. Ini sebagai satu contoh yang nyata. Saya harap pihak Kerajaan di masa yang akan datang mestilah lebih berhati-hati lagi jangan sekali-kali percaya kepada mulut manis manusia.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dalam lapangan-lapangan yang lain. Mungkin ada di antara rakan sejawat kita pada hari ini musuh dalam selimut yang sentiasa menyekat mencari jalan, mengkhianati rancangan-rancangan yang diusahakan oleh Kerajaan untuk membantu ataupun untuk menstabilkan masyarakat yang berbilang kaum di negeri ini. Maka dengan sebab itulah, kemajuan bumiputra dalam lapangan yang sedang dirancangkan oleh Kerajaan ini iaitu dalam bidang perniagaan masih belum begitu memuaskan. Walaupun dua hari yang lepas pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan dalam surat-khabar, pada hari ini bumiputra telah mendapat kemajuan di bidang perniagaan sebanyak 25%, dengan menyebutkan angka 56,864 syarikat bumiputra telah didaftarkan pada masa sekarang, tetapi kita akui betul dengan kerana galakan pihak Kerajaan melalui Rancangan Ekonomi Baru berebut-rebut orang Melayu, bumiputra mendaftarkan diri menjadi ahli-ahli perniagaan, syarikat-syarikat ditubuhkan. Ada setengahnya kadang-kadang modalnya hanya \$2 mendaftar sebagai Syarikat Sendirian Berhad. Selepas itu terus tidur sahaja. Ada setengah-setengahnya yang telah menjalankan perniagaan dua tiga bulan, empat lima bulan gulung tikar kerana tidak cukup modal dan sebagainya. Sebab, ada juga orang-orang berniaga yang dapat bantuan MARA, dengan bantuan \$2,000 pun dia mendaftar juga. Daripada bilangan ini kita tidak sekali-kali boleh mengukur bahawa pihak

bumiputra telah maju 25%. Kita mesti menyiasat daripada 56,864 syarikat yang telah didaftarkan ini berapakah pada hari ini yang masih menjalankan perniagaan dan berapa pula jumlah modal yang telah dibayar daripada kumpulan 56,864 syarikat itu, kemudian bandingkan dengan syarikat-syarikat yang bukan bumiputra. Pada pendapat saya pada hari ini cita-cita kita untuk mencapai 30% dalam tahun 1990 masih sangat jauh. Sebab, sebagaimana saya katakan tadi dalam kegiatan usaha Kerajaan hendak mencapai matlamat itu maka di samping itulah pula giatannya orang-orang ataupun golongan-golongan anti-nasional bergerak, bergiat untuk menyeleweng ataupun untuk mengkhianati cita-cita Kerajaan dengan berbagai-bagai cara dan alat. Kerjasama sepenuhnya daripada pihak swasta pada masa ini masih belum dipapari walaupun kita tidak menafikan ada kerjasama itu tetapi tidak sepenuh hati sebagaimana yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, musuh kita yang kedua ialah dadah. Kalau kita ikuti berita-berita dalam akhbar, bila sahaja ada tangkapan penghisap dadah ini kalau kita tengok siapa namanya tidak lain Mamat, Dollah, Salleh; yang bernama Ramasamy, Ah Chong sangat kurang. Ini bererti yang banyak sekali menjadi penghisap-penghisap dadah ialah orang kita Melayu, bumiputra. Ini juga mesti menjadi tanda tanya kepada kita apa sebabnya. Sedangkan kita tahu satu daripada motif peniaga-peniaga dadah ini ialah untuk mendapat wang. Kalau kira untuk mendapat wang sepatutnya yang dia hendak jual itu mesti dituju kepada orang yang berada, yang mempunyai wang yang banyak, dan telah menjadi kebiasaan yang mempunyai banyak wang ialah orang-orang daripada kaum Tionghua, India; Melayu ada juga tetapi tidak banyak. Tetapi yang membeli dadah ini orang Melayu yang banyak. Di sini juga, saya fikir (ini untuk saya sahajalah) mungkin dengan kerana adanya niat subversif, niat jahat orang-orang anti-Melayu, anti-bumiputra tadi hendak mengkhianati kita bangsa Melayu dengan cara menyogokkan dadah ini kepada orang Melayu. Biar orang Melayu ini leka, lalai, menjadi penagih, dengan jalan itu mereka akan kurang menjalankan aktiviti-aktiviti kemajuan samada perniagaan gerakan-gerakan lain dan sebagainya. Ini kita mesti menaruh cemburu. Sebab apa, peperangan adalah berbagai peperangan, berbagai senjata digunakan. Maka tidaklah menjadi satu daripada

perkara yang mustahil kalau dadah itu telah digunakan untuk memerangi kebangkitan bangsa Melayu, kebangkitan orang-orang Melayu dalam negara ini sendiri. Tuan Yang di-Pertua, dengan kerana itu kepada penjual-penjual ataupun pengedar-pengedar ini jangan sekali-kali diampunkan, janganlah sekali-kali dilonggarkan hukuman yang telah ditetapkan, jalankanlah mengikut hukuman yang ditetapkan, jalankanlah mengikut apa yang tercatat dalam undang-undang yang telah kita luluskan dalam Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan perkara-perkara yang ada di bawah Jabatan-jabatan. Salah satu daripada perkara yang saya hendak sebutkan di sini ialah berhubung dengan harga beras. Baharu-baharu ini kita telah heboh mendengar petani-petani Kedah minta naikkan harga padi dengan alasan pendapatan mereka tidak setimpal dengan pengusahaan-pengusaha lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Mohamad iaitu menaikkan harga bukanlah satu jalan yang boleh mengatasi kehendak petani-petani tetapi ianya akan menimbulkan problem iaitu problem komplek ataupun jeritan daripada kebanyakan rakyat yang bukan daripada kalangan petani sendiri. Beras jadi mahal. Barangkali bagi pegawai Kerajaan yang naik gaji, yang akan menerima durian runtuh mungkin tidak menjadi hal kepada mereka. Apa hal kepada rakyat jembel, kepada nelayan-nelayan yang hanya mengharap pendapatan dari titik peluh mengharungi lautan tidak kira siang dan malam terpaksa membeli beras yang mahal sedangkan pendapatan tidak seimbang. Apa hal dengan buruh-buruh kasar yang bekerja dengan swasta yang pendapatannya antara \$4-\$5 sahaja sehari, kalau harga beras sendiri sudah naik \$3-\$4? Ini kita mesti timbangkan. Pada pendapat saya jalan yang lebih baik untuk memenuhi kehendak-kehendak petani ini ialah bukan dengan menaikkan harga padi tetapi apa yang mesti dibuat ialah memberi subsidi kepada mereka. Saya cadangkan supaya diberi subsidi dalam tiga jenis perkara. Pertama, subsidi membajak-bajak tanah diberi subsidi. Kalau pada hari ini Lembaga Peladang mengenakan bayaran kepada trektor dan sebagainya, saya cadangkan supaya diberikan percuma, ditanggung oleh Kerajaan. Kedua, memberi subsidi baja kepada mereka dan ketiga memberi subsidi

benih. Dengan cara memberi subsidi dalam tiga perkara ini insya Allah belanja mereka turun ke sawah akan menjadi kurang, barangkali mereka akan dapat pendapatan yang lebih daripada yang ada pada hari ini

Tuan Yang di-Pertua, tegasnya saya mewakili orang-orang yang tidak mempunyai beras atau padi adalah membangkang keras kenaikan harga padi.

Berhubung dengan usaha-usaha membaiki atau menambahkan pengeluaran padi, ini juga terpaksa saya sebutkan sedikit kerana ada kena-mengena dengan tempat saya. Saya dapati sekarang ini petani-petani masih lagi belum dapat merasa faedah-faedah kemajuan teknik moden dalam hubungan dengan penanaman padi. Kalau kita mendengar di sebelah Kedah, Pulau Pinang, Perak dapat memetik hasil tanaman padi sampai 800 gantang seekar, ada yang 900 ke 1,000 seekar tetapi di negeri saya di Trengganu masih belum menjumpai pendapatan yang seumpama ini bahkan ada sekarang ini tempat-tempat yang mendapat hasil tanaman padi ini dalam satu ekar tidak lebih daripada 300 gantang. Baru sahaja minggu lepas saya telah berbual-bual dengan petani-petani di satu kampung yang mereka ini telah mengadu kepada saya mengatakan pada tahun ini mereka telah menghadapi nasib yang malang kerana sudahlah hasil padi tidak banyak, diserangi oleh musuh pula. Ada di antara mereka yang tidak dapat 100 gantang pun satu ekar kerana musuh ulat yang terlampau banyak, tak terlawan oleh mereka. Saya bertanya juga kenapa tidak diminta nasihat daripada Jabatan Pertanian untuk membunuhnya, mereka memberi jawapan, dahulu bila ulat-ulat ini banyak mengadu kepada Jabatan Pertanian dan Jabatan Pertanian akan memberi bantuan dengan secara meyembur satu jenis ubat dengan menggunakan enjin (pump), jadi semburan itu keluar sekali, bolehlah tahan kata mereka tetapi sekarang Jabatan Pertanian tidak lagi memberi bantuan yang seumpama itu. Ia hanya menasihatkan bolehlah disembur dengan ubat ini tetapi kena sembur sendiri dengan menggunakan pam tangan. Mereka kata tidak larat kerana kawasan padi yang begitu luas, hendak berjalan merata-rata tidak terdaya. Dengan kerana itu hanya sedikit-sedikit bahagian sahaja yang dapat mereka sembur, yang lain ditinggalkan begitu sahaja. Dengan sebab itu, melarat semula, maka rosaklah tanaman padi mereka.

Tujuan saya menyebut perkara ini di sini kalau boleh pihak Jabatan di bawah Kementerian Pertanian ini menggesa dengan lebih giat lagi kepada, barangkali kalau tidak salah, Jabatan yang bertanggungjawab berkenaan dengan merisik hasil tanaman ini ialah MARDI supaya mencari jalan bagaimana caranya untuk menambahkan pendapatan petani-petani di kawasan-kawasan sawah yang saya sebutkan tadi supaya hasil titik peluh mereka seimbang dengan pendapatan. Kerana kalau dikira belanja yang mereka keluarkan, iaitu lebih mahal daripada masa yang telah lalu dengan pendapatan padi yang mereka dapati sekarang, lebih murah mereka itu beli beras di kedai, tetapi mereka menyatakan oleh kerana telah menjadi tradisi kepada mereka bekerja turun ke sawah setiap tahun, jadi mereka turun jugalah ke sawah. Walaupun hasil dapat kurang tetapi padi itu akan ada di rumahnya, bila hasil sudah dapat tidak payah keluar duit lain. Itu sahaja alasannya. Tetapi untuk hendak membaiki kehidupan jauh sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit berhubung dengan tindakan-tindakan setengah-setengah daripada pengusaha-pengusaha besar dalam hubungan membekal keperluan kepada masyarakat. Tadi telahpun dibangkitkan dalam soal-jawab, memang sebenarnya ada kita nampak pengeluar-pengeluar barang-barang ini membuat pakatan. Bila sahaja mereka berkehendak untung yang lebih maka mereka pun buat olah (dalih). Salah satu daripada perkara yang popular mereka jalankan ialah dengan cara mengurangkan pengeluaran, jadi barang tak ada. Bila barang tak ada, harga pun tentulah naik. Sekarang berlaku satu daripada perkara yang saya sebutkan ini iaitu berhubung dengan kekurangan simin. Merata-rata sekarang ini di Kuala Lumpur juga, apa lagi di negeri-negeri Pantai Timur berlaku keputusan bekalan simin. Maka dengan serta-merta telah naik harga daripada \$6.50 kalau di Trengganu, sekarang menjadi \$7 tetapi \$7 pun hendak beli barang tak ada. Bagi mereka yang perlu kerana sedang membuat kerja separuh jalan tidak siap lebih mahal pun mereka mahu beli tetapi barang pula tidak ada. Ini adalah kalau kita kaji kita pun hairan apa sebabnya jadi demikian. Alasannya adalah barangkali dia kata rosak, begitu-begini, tetapi saya fikir ini adalah salah satu daripada tektik mereka untuk menaikkan harga barang-barang ini. Dengan cara lebih permintaan

(demand) daripada pengeluaran barangkali dengan cara itu mereka pula akan membuat alasan meminta kepada Kementerian supaya dinaikkan harga ini dengan harapan pihak Kementerian akan membenarkan. Perkara-perkara seumpama ini saya harap pihak Kementerian akan meneliti dengan sehalus-halusnya, diasas betul-betul kedudukan ini supaya keadaan ekonomi negara kita ini tidak boleh dipermain-mainkan dengan sesuka hati oleh pihak-pihak pemodal besar yang ada di tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara sebelum saya duduk saya hendak sebut sedikit berhubung dengan pentadbiran di Lambaga Letrik Negara di negeri-negeri ataupun di daerah-daerah. Apa yang saya dapati sekarang mungkin barangkali kakitangan di negeri atau di daerah-daerah ini tidak mencukupi sebab satu-satu bekalan yang hendak diberi adalah mengambil masa yang sangat panjang. Permohonan-permohonan daripada pengguna kadang-kadang memakan masa 5-6 bulan baru dapat disupply. Saya cuba juga menyiasat perkara ini. Salah satu daripada sebab yang diberi kepada saya oleh pegawai, ini saya ceritakan yang berlaku di Kuala Trengganu, pegawai itu menyatakan kami tidak boleh hendak memproses dengan cepat sesuatu permohonan sebagaimana yang dikehendaki kerana peraturan-peraturan yang begitu yuniq sekali. Mereka tidak diberi kuasa yang secukup. Misalannya kalau satu bakalan dikehendaki bagi satu-satu tempat yang perbelanjaan untuk memasang kebel itu kalau tidak salah lebih daripada \$2,000 mesti dihantar ke Kuantan untuk diproses. Jadi di bawah \$2,000 sahaja dibenarkan kepada daerah itu sendiri. Kalau ini benar memanglah tidak patut, maknanya kalau sudah kerja \$2,000-\$3,000 tidak boleh diberi kepercayaan kepada satu daerah yang begitu besar, ini saya rasa tidak patut dan adalah memalukan kakitangan Lembaga itu sendiri. Sepatutnya mestilah diberi kepercayaan penuh kepada mereka supaya mereka boleh menjalankan tugasnya dengan dada yang terbuka ataupun lapang dan menyenangkan juga kepada pengguna-pengguna. Ini menurut penerangan daripada pegawai, saya pun tidak tahu samada benar ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk, saya juga sukalah hendak mengucapkan bagi pihak rakyat Trengganu setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn dan juga kepada

Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah yang telah memberi sokongan kuat kepada jeritan rakyat Trengganu berkehendakkan perusahaan yang berkaitan dengan minyak ini ditempatkan di negeri Trengganu. Sekarang ini dengan kemurahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi jaminan, insya Allah akan ditempatkan di Trengganu. Jadi, saya menyampaikan ucapan terima kasih mereka, penghargaan yang tinggi kepada Yang Amat Berhormat itu dan juga kepada orang-orang yang bersimpati dengan kami.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Usul menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Yang Berhormat Ahli-ahli sekarang ini akan diberi peluang membahaskan Usul itu hingga pukul 6.30 petang hari esok 21hb April, 1977 dan Yang Berhormat Menteri-menteri pula telah bermurah hati bersetuju memberi jawapan mereka mulai hari Jumaat, 22hb April, 1977. Saya berharap dengan lanjutan masa selama sehari lagi ini seberapa ramailah Ahli Yang Berhormat akan berpeluang berucap.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat di-tempohkan sekarang selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.32 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.55 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

4.56 ptg.

Datuk Haji Abu Bakar Titingan bin Damsani: Alhamdulillah syukur, Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di Dewan yang mulia ini turut bersama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat rakan-rakan saya untuk menyokong usul tahniah dan ucapan terima kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada mesyuarat Pertama Penggal Ketiga, Parlimen Keempat bulan yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memelihara kesetabilan politik dan ekonomi yang kita ketahui inilah yang akan menjadi sumber ketahanan bangsa dan negara sepertimana yang diamanahkan oleh Baginda maka saya menyeru kepada agensi-agensi Kerajaan seperti UDA, MARA dan lain-lain supaya melipatgandakan kekuatan dan kegiatan ke seluruh negeri-negeri terutama Sabah dan Sarawak supaya Rancangan Malaysia Ketiga yang menjadi harapan Kerajaan dan rakyat jelata betul-betul akan dapat dijayakan dan dinikmati hasilnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai yang terakhir, saya ingin menyentuh sedikit kedudukan pelajar-pelajar atau penuntut-penuntut kita di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada penuntut-penuntut atau pelajar-pelajar di luar negeri ada yang tidak mengetahui atau tidak mengerti langsung perkembangan-perkembangan di negara kita. Dengan sebab itu, saya rasa adalah bijak dan patut Kerajaan menubuhkan satu badan Jawatankuasa Khas yang bergerak dari sebuah negeri ke sebuah negeri untuk memberi nasihat dan penerangan yang betul-betul mencerminkan keadaan negara mereka. Dengan yang demikian, saya yakin dan percaya penuntut-penuntut kita yang langsung tidak mengetahui keadaan negaranya akan terselamat daripada dipengaruhi oleh anasir-anasir jahat dan anti-nasional yang kita dapati selalu menyebar dakyah-dakyah palsu, gambaran-gambaran salah memburuk-burukkan pemimpin-pemimpin dan Kerajaan melalui akhbar-akhbar, majallah-majallah dan missions sulit mereka yang tidak bertanggungjawab untuk menanam semangat rasa kebencian pelajar-pelajar kepada pemimpin-pemimpin dan juga dasar Kerajaan yang akan mengakibatkan nanti sehingga pelajar-pelajar tergamak membuat tunjuk-tunjuk perasaan kepada pemimpin-pemimpin dan ini kita tidak keterlaluan menyalahkan kerana mereka tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, andainya terjadi apa yang kita sama-sama tidak ingini ini maka hancurlah harapan Kerajaan yang sentiasa mengharapkan bahawa supaya pelajar-pelajar kita itu akan menjadi masyarakat yang berguna, bakal mengambilalih pimpinan pada masa akan datang di negara kita ini.

4.59 ptg.

Tuan V. V. Aboo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung kepada ucapan-ucapan yang telah dibuat di Dewan ini di atas usul penghargaan Dewan Kebawah Titah Di-Raja itu. Saya fikir Titah Di-Raja itu adalah satu Titah Ucapan yang walaupun ringkas telah menunjukkan minat dan perhatian Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terhadap perkara pembangunan negara dan soal-soal membaiki nasib dan kehidupan rakyat jelata. Titah itu telah menyentuh dasar-dasar yang penting dan mencerminkan usaha Kerajaan kita dalam semua bidang ini. Rakyat Malaysia pada amnya adalah menjunjung tinggi Titah Di-Raja itu.

Saya suka menyentuh satu dua perkara sahaja dalam Titah Ucapan itu.

Rancangan-rancangan pembangunan tanah sudah menjadi satu cara yang paling penting dalam usaha membaiki kehidupan rakyat kita di kawasan-kawasan luar bandar. Kita di Malaysia adalah bernasib baik dan bersyukur kerana terdapat di negara kita tanah yang luas yang masih dapat digunakan untuk pertanian. Melalui pembukaan tanah secara besar-besaran—1 juta ekar tanah dalam tiap-tiap Rancangan Malaysia—kita telah dapat memberi kepada keluarga-keluarga miskin punca pendapatan dan cara hidup yang berlipatkali-ganda lebih tinggi daripada apa yang mereka nikmati di kampung-kampung, ladang-ladang dan lain-lain tempat. Ada ramai keluarga di rancangan FELDA yang sekarang ini mempunyai pendapatan yang lebih daripada \$1,000 sebulan, berbanding dengan kurang daripada \$100 sebulan dahulu. Ini bolehlah dikatakan satu perkembangan yang cemerlang dan nyata dalam kehidupan mereka.

Kerajaan kita haruslah menentukan bahawa peluang-peluang yang keemasan ini dibahagi-bahagikan kepada semua rakyat di seluruh negeri dan semua golongan. Kedudukan sekarang ini tidak dapat ditunjukkan sebagai perlaksanaan dasar Kerajaan yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Ketiga, oleh kerana peratus yang besar daripada peneroka adalah terdiri daripada satu kaum sahaja. Walaupun kita boleh menerima ulasan bahawa pada masa yang lampau, permohonan daripada kaum bukan bumiputra tidak begitu menggalakkan. Kedudukan sekarang ini menunjukkan bahawa keadaan telahpun berubah dan terdapat banyak permohonan daripada

mereka. Kementerian yang berkenaan haruslah mengkaji kedudukan ini dan menetapkan satu peraturan yang baru yang dapat menjamin bahawa permohonan daripada kaum bukan bumiputra ini juga dapat pertimbangan yang lebih untuk membaiki kedudukan yang tidak memuaskan pada masa ini.

Dalam perkara FELDA ini, saya ingin juga menyentuh satu lagi aspek yang saya harap akan dapat perhatian Kerajaan. Pada masa ini peneroka-peneroka untuk rancangan-rancangan FELDA dipilih di atas kebolehan kedua-dua suami dan isteri dan kedua-dua ini dikehendaki menghadiri temuduga pemilihan. Seterusnya, apabila mereka dipilih, kedua-duanya dikehendaki duduk di rancangan dan sama-sama mengerjakan tanah yang diberikan itu. Tetapi kita lihat satu perkembangan yang saya fikir tidak diinginkan selepas kemasukan mereka dalam rancangan-rancangan yang tertentu. Ramai kes telah berlaku di mana isteri yang telah berganding bahu dengan suaminya pada masa pembukaan tanah dan tanaman-tanaman belum mengeluarkan hasil isteri-isteri itu diceraikan dan suami berkahwin dengan isteri baru dan lebih muda. Pendapatan mereka pada masa itu pun lebih lumayan, tetapi kerja-kerja yang dikehendaki dalam tanah mereka itu tidak begitu membebankan. Perbuatan lelaki yang tidak diinginkan ini telah menimbulkan kerumitan dan perasaan keciwa kepada isteri yang tua itu.

Saya cadangkan untuk pertimbangan pihak FELDA untuk memasukkan nama isteri seorang peneroka juga sebagai pengusaha bersama (joint venture) tanah-tanah yang diberikan kepada keluarga peneroka itu. Ini akan menjamin bahawa lelaki tidak akan lalai dalam tanggungjawab mereka kepada isteri dan keluarga, dan juga isteri itu akan dapat hasil yang terjamin daripada usahanya dengan suaminya untuk menjayakan tanah kebun FELDA itu.

Satu perkara lagi yang saya hendak sebutkan, ialah mengenai rahsia-rahsia Kerajaan. Saya berpendapat bahawa pada masa ini kita mempunyai banyak kelemahan dalam keselamatan dokumen-dokumen Kerajaan. Seringkali kita membaca dan mendengar sesuatu usaha atau tindakan Kerajaan yang harus tidak boleh sampai ke pendengaran ramai, atau sampai ke tangan-tangan tertentu lebih awal daripada masa yang ditetapkan. Ini bermakna pegawai-pegawai Kerajaan membina-

cangkan atau mengeluarkan penerangan yang mereka ketahui melalui saluran rasmi kepada pihak-pihak yang tidak berhak mendengar atau mendapat maklumat itu. Pada masa negara kita menghadapi ancaman daripada anasir-anasir subversif, kita hendaklah berwaspada tentang kelemahan ini dan mengambil segala langkah untuk menentukan segala rahsia-rahsia Kerajaan tidak dibocorkan. Baru-baru ini terdapat satu keadaan di mana sepucuk surat kepada sebuah Jabatan Kerajaan telah dikelilingkan dengan beratus-ratus naskah fotostat kepada orang ramai di Negeri Pahang. Surat itu seharusnya adalah ditunjukkan kepada seorang pegawai yang tinggi yang mesti sedar tentang keselamatan isi kandungan surat itu.

Ini adalah zaman Xerox dan photocopy. Dengan mudah sahaja dan perbelanjaan yang sangat kurang, seorang dapat membuat salinan apa-apa dokumen yang dicarinya dan mengedarkan ini untuk mengecilkan atau memberi kesusahan kepada Kerajaan dan Pegawai-pegawainya. Selain daripada langkah-langkah untuk mencegah daripada kelemahan dalam sistem keselamatan Kerajaan, Kerajaan haruslah memikirkan juga untuk mengadakan satu undang-undang untuk mengawal mesin-mesin fotostat dan keselamatan kegunaan itu. Jika tiada kepercayaan rakyat kepada Kerajaan kita akan terancam dan jatuh.

Yang akhir sekali, saya ingin menyentuh sedikit kepada Radio Talivisyen Malaysia. Pada masa ini, walaupun Yang Berhormat Menteri Penerangan sedang cuba membaiki program-program di R.T.M, kita perhatikan banyak kelemahan dalam program-program itu. Jika R.T.M. hendak gunakan, seperti diharapkan sebagai alat perhubungan Kerajaan dengan rakyat, kita mesti fikir bahawa bahasa dan kandungan program-program sangat mustahak. Daripada komen-komen yang dikeluarkan oleh rakyat, tiada satu golongan rakyat pun yang berpuas hati tentang ini sekarang. Utusan-utusan Kerajaan tidak dapat disampaikan kepada rakyat yang ditujukan oleh kerana bahasa yang digunakan tidak dapat difaham atau program yang ditajakan tidak digubal dengan mutu yang baik. Dari segi entertainment juga kita memerhatikan perasaan tidak puas terhadap rancangan-rancangan dalam R.T.M. Kita haruslah campur rancangan-rancangan "serious" dan "informative" dengan rancangan yang "entertaining" jika kita hendak memegang perhatian peminat-peminat. Ada

negeri-negeri Malaysia di mana rancangan-rancangan R.T.M. langsung tidak diikuti dan rancangan daripada negara-negara asing menarik peminat-peminat kita, oleh kerana kedua-dua channel TV kita digunakan untuk sesuatu program, seperti Peristiwa dan lain-lain. Dari segi memelihara dan membangunkan satu "cultural system yang bercorak Malaysian" kita juga tidak berjaya, oleh kerana rancangan-rancangan sangat berat sebelah satu sumber cultural system itu.

Saya harap Yang Berhormat Menteri Penerangan dapat mengambil perhatian tentang perkara ini dan memberi lebih ketutamaan kepada "feedback" daripada peminat-peminat dan menggalakkan "feedback" ini untuk memperbaiki lagi program R.T.M.

5.14 ptg.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul ucapan terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 21hb Mac, 1977.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada banyak perkara tentang hal-ehwal negeri Sabah yang saya bercadang hendak bercakap dengan jelas dan mendalam di dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi dengan adanya persetujuan yang telah dicapai di dalam mesyuarat Barisan Nasional yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 2hb April yang lalu, maka saya mengambil keputusan tidak mahu menyentuh beberapa perkara, terutama sekali tentang beberapa tuduhan yang telah ditujukan kepada saya. Walau bagaimanapun, saya tetap akan memberi buah fikiran sebagaimana yang dikehendakki oleh Perlembagaan, dan juga di waktu saya mengangkat sumpah sebagai seorang Ahli Dewan yang mulia ini.

Terlebih dahulu saya suka mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Angkatan Bersenjata Malaysia kita terutama sekali askar-askar dan lain-lain pasukan keselamatan yang sedang menghadapi musuh negara dipergubatan yakni di sempadan Thai-Malaysia. Dengan kerana kecekapan, kebolehan dan keberanian mereka daripada Jeneralnya, Tan Sri Ibrahim bin Ismail hinggalah kepada perajurit-perajurit private serta polis-

polis biasa yang telah masing-masing memainkan peranan untuk melemahkan dan membinasakan musuh-musuh negara. Saya rasa Kerajaan Malaysia yang sekarang memberi sepenuh-penuh sokongan kepada pahlawan-pahlawan kita ini supaya mereka akan terus mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada masa akan datang. Saya juga menyokong dengan sepenuhnya tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan kita untuk memperhebatkan lagi perjuangan kita menentang penganas komunis yang cuba menjajahi kita.

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan Yang Berbahagia Tan Sri Mohd. Haniff Omar, Ketua Polis Negara kerana mengambil tindakan untuk menjalankan siasatan berikutan dengan ucapan saya di dalam Dewan yang mulia ini beberapa bulan yang lalu mengenai perbuatan beberapa orang pegawai Polis di Sabah.

Saya rasa Tan Sri Mohd. Haniff Omar, Ketua Polis Negara adalah seorang yang jujur dan tegas di dalam menjalankan tugas beliau dan ini amatlah kita banggakan. Beliau tidak bersembunyi-sembunyi untuk memberitahu kepada rakyat bahawa tindakan disiplin telah diambil ke atas pegawai-pegawai polis yang telah bersalah di sisi disiplin semasa menjaikan tugas mereka. Adalah menjadi satu petanda yang baik jika rakyat jelata kita sudah menaruh kepercayaan yang lebih kepada pihak polis. Dengan kepercayaan rakyat jelata yang mendalam kepada anggota-anggota polis inilah yang akan membuat pihak polis atau memberi peluang kepada pihak polis semakin hari semakin mendapat kejayaan yang cemerlang untuk membentras musuh-musuh negara. Dan saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas kepada pihak polis yang mana dengan usaha-usaha mereka telah dapat merampas sebanyak 3,000 bom-bom tangan (hand grenade) di kawasan Kuala Lumpur di dalam beberapa minggu yang lalu.

Saya suka membuat tinjauan di dalam beberapa perkara yang sedang berlaku di dalam negeri ini. Di dalam lawatan saya ke Kedah di waktu kanak-kanak bercuti sekolah baru-baru ini, saya mendapat tahu banyak perkara-perkara yang telah terjadi akibat

musim kemarau yang buruk yang dirasakan di dalam negara kita ini. Kerana kemarau yang begitu teruk, maka petani-petani tidak dapat lagi menanam padi untuk kali yang keduanya. Dengan sebab itu, maka mereka tidak dapat membayar wang ansuran (hire purchase) untuk mesen-mesen ataupun jentera yang mereka beli. Maka dengan sebab itulah ada pula setengah-setengah syarikat pinjaman (finance company) ataupun setengah-setengah bank-bank yang memegang perjanjian bayaran ansuran (hire purchase agreement) yang menghantar samseng-samseng dari Kuala Lumpur untuk merampas mesen-mesen, kenderaan-kenderaan ataupun jentera-jentera samada trektor untuk bersawah ataupun motorsikal dan sebagainya yang dibeli oleh petani-petani tadi dengan secara paksa. Samseng-samseng dari Kuala Lumpur tadi yang menjadi agen-agen syarikat pinjaman wang yang berkenaan itu kerjanya untuk menakut-nakutkan serta mengugut petani-petani tadi di beberapa kawasan di Kedah dan saya rasa di tempat-tempat lain pun mungkin perkara begini berlaku. Jadi patutlah perkara ini diperhatikan dengan lebih teliti oleh pihak Kerajaan terutama sekali daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Sungguhpun Hire Purchase (Amendment) Act telah diubahsuai sejak tahun 1976 lagi, tetapi tidak dikuat-kuasakan hinggalah baru-baru ini. Saya harap Kementerian yang berkenaan akan meneliti perkara ini untuk diambil tindakan yang sesuai dengan seberapa cepat mungkin.

Di waktu saya di Kedah juga saya sempat mendaki Gunung Jerai buat pertama kali di mana terdapat sebuah rumah peranginan (rest house) yang dibina oleh Kerajaan Negeri Kedah. Di situ saya melihat bertumpuk-tumpuk khemah budak-budak pengakap yang datangnya dari berbagai-bagai daerah di Kedah yang dipasang di sekitar rumah peranginan tersebut. Tetapi sayangnya di dalam rumah peranginan itu sendiri terdapat juga tidak kurang daripada empat kelompok kumpulan pemain-pemain judi yang menggunakan wang dengan secara yang amat berterangan dan terbuka. Jadi kita bukan sahaja ada "Casino" di Genting Highland, tetapi juga di Gunung Jerai. Pemain-pemain judi tadi termasuklah penjaga rumah peranginan itu sendiri yang ikut sama bermain. Perkara seumpama ini tidak akan memberi contoh yang baik kepada anak-anak muda yang masih bersekolah yang

menjadi ahli-ahli pengakap yang pada masa ini sedang berkhemah di sekitar rumah peranginan tersebut, dan juga pelawat-pelawat yang datang ke rumah rihat seumpama ini. Saya harap perkara ini akan mendapat perhatian dan tindakan untuk diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak R.T.M. khasnya Kementerian Penerangan yang menerbitkan rancangan yang bergelar "Panorama". Saya rasa rancangan Panorama ataupun rancangan-rancangan seumpama ini akan dapat bergerak sebagai pengkritik dan petunjuk yang membina kepada pihak Kerajaan dan negara kita. Kita harus berani membenarkan sebaran am (mass media.) termasuklah badan-badan mass media yang dipunyai oleh Kerajaan, untuk membetulkan serta menunjukkan kepada kita akan masaalah yang dihadapi oleh rakyat jelata supaya kita dapat mengerti dengan lebih mendalam akan masaalah-masaalah dan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh rakyat. Apabila sahaja diketahui akan adanya masaalah tersebut, maka patutlah Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan mengambil tindakan yang sewajarnya supaya Kerajaan kita yang dipilih oleh rakyat, akan terus maju dan kuat. Kita akan maju dan kuat selagi kita sedia menerima teguran serta membuat sedaya upaya untuk membetulkan kesilapan-kesilapan kita. Jika kita tidak suka ditegur dan kita mempunyai tabiat atau dasar menyapu sampah di bawah tikar sahaja, maka satu hari nanti kita akan runtuh dan berkecai sebagai sebuah parti yang memerintah. Ini jangan sekali-kali kita biarkan berlaku. Tetapi sayangnya di dalam akhbar hari ini kita dapati bahawa rancangan "Panorama" telah dibekukan buat sementara. Walau bagaimanapun, saya harap Kementerian yang berkenaan akan mengambil keputusan yang segera untuk melanjutkan kembali rancangan Panorama itu dan lain-lain rancangan yang seumpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Timbalan-timbalan Menteri dan lain-lain Setiausaha Parlimen yang baru dilantik oleh Kerajaan dan saya harap mereka akan memberi khidmat yang cemerlang kepada rakyat di negara Malaysia.

Lagi sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Titah Ucapan Duli Yang

Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

5.27 ptg.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Tuan Yang di-Pertua, saya banguna untuk menyokong Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Kam Woon Wah dan di samping itu saya hendak mengemukakan beberapa teguran-teguran dan pandangan mengenai dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan dan saya harap teguran-teguran ini akan diberi pertimbangan dan tindakan sewajarnya diambil.

Saya ingin membawa ke perhatian Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tentang keadaan di Batu Caves. Adakah satu fakta yang tidak boleh dinafikan bahawa Batu Caves merupakan tempat di mana terletak rumah berhala Hindu dan sebagaimana kita semua sedia maklum, kebanyakan rakyat Malaysia keturunan India adalah beragama Hindu. Lebih lanjut lagi, Batu Caves juga merupakan satu tempat yang sering dikunjungi oleh para pelancung. Memandang kepada kepentingan Batu Caves ini, adalah amat menakutkan untuk memerhatikan Kerajaan tidak mengambil langkah-langkah yang positif untuk hentikan "blasting" yang dilakukan di sekeliling Batu Caves. Perkara ini telahpun dibangkitkan dalam beberapa peringkat dan juga Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan sendiri telah berjanji akan menyiasat perkara ini tetapi malangnya, sehingga hari ini, tiada apa-apa tindakan pun diambil dalam hal ini. Perkara "blasting" ini bukan sahaja menjadi perhatian dan kebimbangan orang-orang yang terlibat secara langsung dengan rumah berhala itu tetapi juga telah menjadi perhatian dan kebimbangan orang-orang yang tinggal di sekeliling rumah berhala tersebut kerana cemaran yang diakibatkan oleh "blasting" adalah merbahaya kepada penduduk-penduduk di tempat itu. Oleh sebab Gombak di mana Batu Caves terletak akan menjadi sebuah daerah di dalam negeri Selangor, maka adalah amat penting supaya Kerajaan mengambil langkah-langkah segera untuk hentikan sebarang "quarrying" di Batu Caves dan di sekelilingnya. Saya difahamkan Persatuan Malaysian Nature Society telahpun meminta Kerajaan menghentikan kerja "quarrying" di Batu Caves kerana Batu Caves dikatakan mempunyai berbagai jenis tumbuhan dan hewan.

Dalam pada ini, ingin saya juga membangkitkan soal kepercayaan keagamaan penganut-penganut Hindu yang menaruh segala nilai sentimen dan keagamaan terhadap rumah berhala di Batu Caves. Apakala mereka lihat "blasting" yang dilakukan secara indiscriminasi di Batu Caves, mereka berpendapat manusia telah berdosa dengan merosakkan kediaman Tuhan yang suci dan ini saya sangsi akan membawa rasa kegelisahan di antara khalayak penganut-penganut Hindu.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya minta izin untuk berucap sedikit dalam bahasa Inggeris dan kemudian dalam bahasa Malaysia.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, in so far as the Malaysians of Indian origin are concerned, history will reveal that the Indians have been living in harmony as brothers and sisters with their Chinese and Malay brethren and they will never give in to the undesirable activities of subversive elements and they are strongly opposed to communism. Even though they may fight for their legitimate rights and speak aloud, at the same time they are also in the forefront of implementing the policies of the Government and they are prepared to sacrifice their lives for the sake of the country. Way back from 1955, the Malaysian Indians have continually been working hand in hand with the other races both in the fight for independence and in the formulation and implementation of the policies and programmes of the Government for the good of all races in the country. Our previous Prime Ministers had been very kind in rendering as much assistance as possible to the social and economic well-being of the Indians in the country. In the same way, I am very happy to say that our Prime Minister, Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn is continuing in the same footsteps and even more with the developing and changing circumstances. On behalf of the Indian community in this country, I would like to convey our sincere thanks to our Yang Amat Berhormat Perdana Menteri for all the help and assistance being rendered to us.

The majority of the Indians, who form 10% of the population on the country, conform to the Hindu religion and they celebrate the Thaipusam festival every year on a very grand scale. We have been repeatedly requesting the Government for the past many years to declare Thaipusam as a public holiday. But I regret to say that the Government

has not yet considered this matter and taken a decision on it. In this connection, I would like to stress here that the Thaipusam festival, especially at Batu Caves Temple, not only attracts the Hindus in hundreds of thousands but also the members of the various other races who not only join with the crowd but also actually take part in the activities.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya menyeru Kerajaan supaya menimbangkan perkara ini dengan serius dan mengistiharkan Thaipusam sebagai hari kelepasan am sekurang-kurangnya mulai tahun hadapan. Jika sekiranya tidak dapat diistiharkan sebagai hari kelepasan Persekutuan, saya mohon Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengistiharkan Thaipusam sebagai hari kelepasan am bagi negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan yang mana pada masa ini hanya mempunyai tiga hari berbanding dengan empat hari bagi tiap-tiap negeri lain. Dalam hubungan ini saya sukacita menyatakan bahawa Pulau Pinang, di mana Thaipusam disambut dengan cara besar-besaran seperti di Batu Caves, telah mengistiharkan Thaipusam sebagai hari kelepasan Negeri. Saya harap setiap orang akan bersetuju dengan saya bahawa ini adalah satu permintaan yang munasabah dan logik oleh kaum India di negara ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita adalah sedar akan perasaan batin orang-orang India dan kepercayaan keagamaan mereka yang begitu kuat. Kepercayaan kepada Tuhan adalah satu prinsip Rukunegara dan kita seharusnya mencuba sedaya upaya menamakan perasaan ini ke dalam hati rakyat oleh kerana kita mengetahui seorang ahli agama yang sebenar adalah dengan sendirinya menolak fahaman komunis yang kejam itu. Oleh itu soal mengistiharkan Thaipusam sebagai hari kelepasan Persekutuan atau sebagai hari kelepasan Negeri buat masa ini akan mengokohkan keyakinan rakyat terhadap rancangan-rancangan dan dasar-dasar Kerajaan yang tulin.

Tuan Yang di-Pertua, now I would like to touch on the question of intake of students into the institutions of higher learning in the country. This matter had been mentioned inside and outside this House, and it is hoped that the number of intake of students of Indian origin into the universities and other institutions will be increased from this year onwards. I would like to request the Government to take immediate steps to allot at least 10% of the seats to the Indian students pro-

portionate to the Indian population of this country. Saya merayu kepada Menteri Pelajaran untuk menimbang berat atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan samsu haram. Saya mengesyorkan jawatankuasa-jawatankuasa atau badan-badan khas di peringkat daerah, Negeri dan Kebangsaan hendaklah ditubuhkan bagi mengawasi perkembangan gejala jahat ini dan dihapuskan daripada masyarakat buat selama-lamanya. Peminuman samsu di kalangan kaum India di negeri ini telah menjadi suatu keburukan sosial, dan lama kelamaan jika dibiarkan akan menjadi suatu masaalah nasional.

Samsu adalah seperti penyakit barah bukan sahaja pada masyarakat hari ini tetapi kepada jenerasi yang akan datang. Beberapa banyak keluarga telah musnah oleh barah ini yang mana Kerajaan dan seluruh masyarakat adalah sedar. Oleh yang demikian, saya menyeru bersungguh-sungguh kepada Kerajaan supaya mengambil tindakan awal mengenai perkara ini. Sebagai contoh, Kerajaan boleh mengadakan undang-undang yang lebih ketat mengenai hukuman yang lebih berat terhadap pembuat dan pengedar samsu.

Tuan Yang di-Pertua, on the question of drug menace, the Government should take more positive steps to erase this evil from our society. The majority of drug addicts are our youths who will be our leaders tomorrow. If these youths are not protected from this menace, then the future of our country will be at stake. I would, therefore request the Government to enforce the laws more strictly and see to it that the question of drug addiction is entirely wiped out from our society.

Tuan Yang di-Pertua, before I conclude my speech I will be failing in my duty if I do not say a few words about the staff in Parliament. I understand that till to date they are in the dark regarding their salary scales. Staff especially in a dignified House as this should be a contented lot and be able to command the respect and adoration of other Departments and bodies. Being in a closed and independent service, they must be given a comparatively better salary structure so that they can devote all their energy and time to make our life in Parliament happy and easy. In this connection, I would also like to repeat the plea that the honorarium being paid to members of the staff at present be continued.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pandangan-pandangan saya akan diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan dan saya sekali lagi menyokong sepenuhnya Usul menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

5.42 ptg.

Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong penuh usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Kam Woon Wah bagi menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya sangat tertarik di atas Ucapan Titah itu berkenaan dengan perumahan yang hendak diberikan begitu banyak di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Sedikit-sebanyak jikalau tidak salah pendapat saya adalah tanah yang boleh dipecahkan di luar bandar tidak lebih daripada satu ekar sahaja, bermakna tidak boleh kurang luasnya daripada satu ekar tetapi malangnya rasa saya tidak ada rancangan untuk menyusun tanah ini di kampung-kampung. Sungguhpun kita lihat banyak kekurangan rumah berhampiran dalam bandar, saya juga mengetahui iaitu ada Majlis Bandaran yang telah meluluskan rumah murah yang berlainan dan membanyakkan lagi bilangan rumah yang akan dibina tetapi untuk di kampung tidakkah boleh dicari jalan supaya tanah mereka itu boleh dipecahkan kurang daripada satu ekar dan dibuat tata-aturannya, iaitu diadakan satu rancangan tata-atur yang tetap. Disebabkan saya mengatakan tata-atur begitu sekiranya ada tapak-tapak kampung, sedia dimaklum pada masa yang lepas yang saya tahu besar dua atau tiga ekar tetapi sekarang patut kita boleh pecahkan kurang daripada satu ekar tadi dibuat tata-atur supaya dapat cepat didirikan rumah-rumah murah bagi orang-orang kampung.

Rumah-rumah ini juga pada pendapat saya di sinilah mahu dimainkan peranan bagaimanakah cara hendak mendapatkan rumah yang murah. Saya dapati kita ada Lembaga atau NISIR (National Institute of Scientific and Industrial Research) mengapakah tidak kita membuat satu siasatan ataupun research berkenaan dengan bagaimanakah hendak mengadakan rumah murah ini

kepada penduduk-penduduk kita. Kita tahu angka atau bilangannya sangat banyak. Saya rasa rumah papan kadang-kadang tidak murah lagi pada masa ini tetapi sebaliknya jikalau dilihat di mana ada tapak lombong yang banyak pasir dibuang sahaja barangkali ini lebih murah lagi daripada rumah papan. Maka sekiranya ada satu rancangan menyiasat ataupun dikatakan research centre untuk perumahan ini sangatlah baiknya.

Saya dapat melihat kadang-kadang apabila ada permohonan untuk rumah murah ini didapati apabila diisytiharkan oleh Kerajaan datang beribu-ribu permohonan dan kadang-kadang saya kesihan melihat Pejabat Tanah terpaksa memanggil orang sementara untuk mengagih segala permohonan ini. Sekarang ini kita telah moden, tidakkah boleh kita memakai komputer. Dengan adanya komputer rasa saya dengan memetik satu petikan suis sahaja boleh mendapat tahu samada pemohon itu telah mendapat tanah di tempat lain ataupun isteri dan anaknya telah mendapat juga, tidak menjadi duplikasi yang banyak digaduhkan oleh orang-orang yang tidak dapat rumah pada masa ini.

Begitu juga saya hendak menarik sedikit perhatian berkenaan dengan perumahan iaitu lesen-lesen pemaju perumahan. Sungguhpun ada jaminan dan rasa saya di Dewan yang mulia ini juga telah disebutkan iaitu akan diberi kemudahan kepada bumiputra, malangnya saya dapati juga sungutan iaitu kemudahan ini belum cukup memuaskan. Kadang kalanya Menteriya telah mengarahkan tetapi ada juga lagi kakitangannya yang meletakkan segala syarat, bukannya saya mengatakan ia menghalang, barangkali ia hendak membina tetapi benda ini menjadi lambat, banyak lagi yang rasa patut diberekan. Maklum sahajalah, di dalam Titah Ucapan Di Raja mengatakan mengikut Cabinet Committee Report kita memberikan gaji yang lumayan ataupun menimbang gaji yang baik kepada kakitangan Kerajaan. Dengan ini saya juga merayu seperti Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk meminta mereka itu mencekapkan lagi dan tolonglah memahami komunikasi yang diberikan oleh pihak politik, iaitu pihak Kementerian atau Menteri mereka itu. Ada juga didapati kadang kala Menteriya berkata, berikan, tetapi ada juga lagi halangan daripada pihak pegawai Kerajaan.

Dalam pada membuat rumah murah itu datanglah soal bagaimana kita hendak membinanya. Membinanya rasa saya saudara saya Yang Berhormat dari Kelantan ada menyebut berkenaan dengan pemborong-pemborong bumiputra. Di sini saya kaitkan sedikit dengan pemborong-pemborong bumiputra untuk makluman. Saya rasa Dewan ini tahu iaitu ada satu gabungan ataupun Persatuan Pemborong-pemborong bumiputra tetapi malangnya sampai pada masa ini belum lagi dapat dibela dengan memuaskan. Apakah sebab tidak dapat dibela dengan memuasnya? Saya tahu mereka ini terpaksa bertanding dengan hebatnya, lain daripada bukan bumiputra lagi, sama sendiri terpaksa bertanding dan apabila bertanding dengan hebatnya kadangkala oleh kerana tidak ada kerja terambil benda yang murah, dengan itu ianya lesap, maka bagaimanakah barangkali untuk memajukannya. Saya di sini mencadangkan iaitu sekiranya ada satu didikan ataupun yang dikatakan research study boleh ianya memberi satu didikan kepada pemborong-pemborong ini, umpamanya, satu rancangan rumah tadi barangkali kita mulakan daripada rumah murah.

Sekiranya ada 400 buah hendak dibuat berapakah harga 100 buah dibahagikan kepada satu kontrektor, dibahagikan satu pemborong, berinya itupun kita tahu, kita ada engineer, kita ada segala kaji bahannya, kita tahu berapa harga yang boleh menguntungkan ataupun berapa harga membuat rumah itu, tidakkah boleh kita panggil: ini dia harganya lalu atau tidak; lalu, buat. Tidak ditandingkan semua sekali maka mereka itu berebut-rebut. Rasa saya jikalau dapat enam dalam setahun dilatih dengan cara ini iaitu dapat ianya berjalan dan diminta ianya juga melatih bumiputra-bumiputra yang lain maka rasa saya ini adalah satu jalan yang boleh sedikit demi sedikit memajukan pemborong-pemborong bumiputra ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kelantan juga ada mengatakan berkenaan dengan susah mendapat bayaran dan terpaksa, ada yang dikatakan rahsia terbuka, dan disambut oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak juga mengatakan ada tempat boleh mengadu, dan di sini barangkali saya mengambil kesempatan sedikit, tempat boleh mengadu ini iaitu Biro Siasatan Negara. Rasa saya mereka itu satu biro yang patut kita beri juga tahniah kepada mereka itu dengan

jalan-jalan dan kerja-kerja yang telah diberikan oleh mereka itu. Perkara ini rasa saya susah. Saya juga berfikir dua tiga kali, kerana apa saya tahu Biro Siasatan Negara, Pejabat Pendapatan (Income Tax). Traffic Police tidak ada banyak orang yang suka kepada pejabat-pejabat ini, maklum sahajalah tidak boleh hendak speed sudah kena tangkap dan income tax tidak boleh hendak lari. Begitu juga soal Biro Siasatan Negara. Maka saya rasa elok kita beri tahniah kepada mereka itu dengan kakitangan yang kita tahu tidak mencukupi, dengan adanya bimbingan yang ada kepada mereka itu dapat membuat siasatan sehingga baru-baru ini kita dengar iaitu headline dalam akhbar mengatakan perkara-perkara yang telah dapat disiasat mereka itu dan apabila dibaca perkara itu bukan sahaja disiasat di dalam negeri, disiasat di luar negeri lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka beralih sedikit berkenaan dengan ASEAN yang ada disebutkan di dalam Titah Ucapan Di Raja itu. Di sini ASEAN sekalian maklum iaitu ASEAN adalah bagi negara-negara yang di Tenggara Asia ini, maka di sini saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama untuk mengambil langkah mengepalai ataupun mengetuai satu rombongan ke La Paz apabila Bolivia tidak mahu menandatangani Perjanjian Timah Antarabangsa pada satu masa dahulu. Di sini saya rasa inilah satu praktik ASEAN. Kita tahu Malaysialah yang banyak sekali mengeluarkan bijih timah di dalam dunia ini dan di sini Malaysia dapat memainkan peranan sebagai ketua sebagai membuka jalan dan dihormati oleh sekalian dunia. Saya sangat ketahui bagaimana dunia menghormati kedudukan Malaysia di dalam Majlis Timah Antarabangsa dan apabila dilihatkan Menteri Yang bertanggungjawab memainkan peranan yang begitu sekali aktif dan berkesan maka kita tidak boleh melupakan perkara ini.

Dalam tindak tanduk ASEAN juga barangkali tidak salah saya beralih kepada yang dikatakan border operation baru-baru ini yang banyak kepujian telah diberi, saya juga menyokong kepujian itu dan di sini saya memberi tahniah oleh kerana ini adalah satu perkara yang menyedapkan hati kepada pelabur-pelabur hendak datang ke negara kita ini.

Misalnya baru-baru ini saya dapat berpeluang ke Australia dan New Zealand mengikut rombongan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak untuk menjemput ataupun memujuk swasta perindustrian datang ke Malaysia dan khasnya ke negeri Perak. Apabila berjumpa dengan mereka itu, yang ditanyakan, apakah dan bagaimanakah kedudukan gejala-gejala komunis yang ada di dalam negara dan di waktu itu saya sebelum pergi telah mendengar dan membaca berkenaan dengan perkara yang telah kita buat di border ataupun di sempadan Malaysia/Thai. Ini adalah satu penerangan yang baik kerana sudah lama kita tahu kubu segala penjahat-penjahat itu iaitu kubu tebuhan ini ada di situ tetapi kita tidak dapat membakarnya, memusnahkannya, apabila datang satu tindakan sebegini, maka dengan itu kita boleh menerangkan, inilah gaya, inilah caranya negara kita untuk mengamankan untuk menarik segala pelabur-pelabur modal ke negara kita menunjukkan kita selalu berhati-hati dan bekerja keras untuk mengaman-
kannya.

Begitu juga di dalam perkara ini saya barangkali beralih sedikit ke dalam pengambil bahagian oleh bumiputra dalam industri. Dalam hal lain saya tidak tahu tetapi dalam bahagian galian di sini saya merayu dan saya minta iaitu apakah dan di manakah barangkali peranan yang telah dimainkan oleh badan-badan berkanun Kerajaan lebih-lebih lagi PERNAS Mining—pada masa ini PERNAS Securities telah memiliki banyak dan telah memiliki boleh dikatakan satu golongan syarikat-syarikat yang mengeluarkan bijih timah di negara bahkan dunia ini. Maka apabila kita telah mengambil kuasa dengan cara perniagaan saya hendak tegaskan balik cara perniagaan iaitu kita dengan wang ringgit kita beli tidak pula kita memilik-negarakan sebagai negara-negara yang lain, kita dengan cara perniagaan, dan bahkan ini satu sokongan yang telah diberikan oleh Dewan Perlombongan Bumiputra melihatkan dengan cara inilah satu daripadanya dapat kita masuk dengan besar-besaran, tetapi sekarang saya hendak tahu apakah pula tindakan mereka itu, tindakan PERNAS Mining ini untuk menyebarkan atau untuk mendirikan lagi supaya banyak peranan bumiputra berusaha di dalam perusahaan perlombongan.

Saya tidaklah hendak bercakap panjang melainkan sedikit iaitu berkenaan dengan

belia. Saya juga menyokong penuh di atas tindak-tanduk, di atas rancangan yang hendak mengelokkan tenaga belia ataupun belia itu dikatakan “menggunakan masa dengan menaafatnya dan menjauhkan diri daripada aktiviti yang tidak sihat” maka ini sangatlah penting rasa saya, saya menyokong apa yang telah dikatakan tadi iaitu belia ini yang kita takut adalah sepuluh tahun yang akan datang ataupun 15 tahun yang akan datang di waktu mereka itu mengambil tempat kita. Kita masing-masing sudah lemah maka mereka itu akan mengambil tempat kita. Di sini yang saya takut sekali adalah pengaruh dadah. Dadah ini untuk merosakkan belia yang ada di negara kita tetapi belia yang di luar negara Yang Berhormat Datuk Abu Bakar tadi telah mengatakan berilah penerangan yang baik kepada murid-murid kita ataupun penuntut-penuntut yang ada di luar negara. Saya tahu sangat, bukanlah tahu lebih dalam hal penuntut-penuntut di luar negara ini, di suatu masa dahulu jikalau tidak salah pengingatan saya di New Zealand, Duta kita ada mengatakan ada gejala komunis di sana untuk mempengaruhi pemikiran penuntut-penuntut kita. Ini yang kita takut sangat, kerana anak belia kita pergi keluar negara maklum sahaja, bebas, ibu-bapa tidak ada dan mereka itu mula sedang hendak mencari bagaimanakah gaya peraturan penghidupan yang akan diikutinya kelak. Maka dengan itu cuba kita fikirkan 10 tahun akan datang, ini datang balik terpengaruh yang datang menunggu lemah oleh kerana dadah. Ini saya rasa patut kita awasi dan ini saya sanjung tinggi berkenaan untuk memajukan belia dan saya harap jika sekiranya ada satu dasar boleh kita buat saya suka kalau boleh, jika diperkenankan iaitu dasar membentuk belia-belia supaya mereka itu memahami politik, tetapi jangan mengambil bahagian dalam politik—they must understand politics but do not involve in political movements. In this sense yang saya katakan iaitu sekiranya mereka itu mengambil bahagian dalam politik maka kita dapat tahu iaitu mereka datang beramai-ramai sebagaimana yang kita tahu murid-murid di Australia pada satu masa datang apabila Allahyarham Tun Razak datang ke Australia ketika itu mereka membuat tunjuk perasaan dan di sini juga tunjuk perasaan. Ini sudah mengambil bahagian dalam politik, rasa saya ini adalah salah. Tetapi mereka itu mesti memahami politik, kerana apa saya kata memahami

politik, kita berdasarkan demokrasi. Maka sekiranya mereka itu faham akan politik, apabila mereka remaja akan menjadi orang diagakkan mampu mengambil peranan yang aktif di dalam kehidupan kita, mereka sudah faham apa yang dikatakan demokrasi dan apa yang patut diundi dan apakah yang patut dipangkah, di manakah patut diletakkan fahaman mereka itu yang patut untuk memajukan negara kita di masa yang akan datang ini.

Selain dari itu kita juga mendengar iaitu Timbalan Menteri Pelajaran tadi menyatakan angka 62,000 penuntut-penuntut yang tidak lulus dalam LCE/SRP maka ini saya juga sangat kecut mendengarnya tetapi rasa saya Kementerian Belia tentulah melihat perkara ini supaya mereka itu menjadi satu golongan manusia yang berguna terhadap negara. Mereka ini mestilah dilatih supaya menjunjung tinggi kudrat tulang ataupun tidak mengabaikan, tidak merendah-rendahkan tenaga buruh. Saya telah menyaksikan mereka suka duduk di tepi jalan, tidak mahu bekerja seperti menjual surat khabar dan sebagainya. Ini satu latihan bagaimana tenaga buruh tenaga tulang mesti dihormati dan disanjung untuk mendapatkan mata pencarian. Maka dengan itu saya berharap dapatlah kita mengadakan satu bangsa yang berkemajuan ataupun mempunyai fikiran yang waras di masa hadapan.

Akhirnya, saya menyentuh berkenaan dengan pertanian yang dikatakan dalam Titah di-Raja iaitu akan dibuat kajian. Maka saya rasa ini patut sudah lama dijalankan dan di sini, saya sedikit sahaja hendak sentuh berkenaan dengan buah-buahan. Sebab saya rasa dalam pertanian ini bidang penyelidikan tidak ada kekurangan barangkali rasa saya negara kita satu daripada negara terbesar dalam dunia dan patut meningkatkan lebih banyak lagi penyelidikan. Saya teringat di sini kita selalu membeli buah tamar kering daripada negeri Arab dan kita tahu mereka banyak duit. Mengapa pula kita tidak boleh menjual pisang kering daripada sini?

6.04 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang dibawa oleh rakan saya untuk menyembahkan junjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Di-Raja. Seba-

gaimana biasa selepas daripada menyokong usul ini, maka Ahli-ahli diberi peluang untuk mengemukakan pendapat masing-masing mengenai perkara yang difikirkan mustahak untuk mendapat perhatian Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya kemukakan pendapat saya berkenaan hal-hal lain, perkara yang utama pada fikiran saya patut dikemukakan di sini ialah kehormatan Dewan Negara ini, kehormatan Dewan Negara, kehormatan Dewan Rakyat adalah perlu dikawal, perlu dipertahankan dan perlu disusun begitu rupa supaya tidak ada cabaran-cabaran yang datang daripada luar dan datang daripada dalam untuk memusnahkan kehormatan Dewan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tiap-tiap Ahli yang ada dalam Dewan ini mempunyai dua tanggungjawab yang besar. Pertama ialah mempertahankan kehormatan Dewan ini dan kedua ialah untuk menyampaikan fikiran dan pendapat demi untuk kemajuan, keselamatan negara dan untuk kebahagiaan rakyat seluruhnya. Dua tugas ini adalah paling besar bagi kita sebagai Ahli Dewan Negara, maka dengan tugas inilah kita sanggup berdiri di Dewan ini untuk mengemukakan apa sahaja fikiran dan pendapat kita yang kita fikirkan perlu dan penting yang boleh menolong Kerajaan menegakkan keadilan dan kemajuan negara.

Dan untuk tujuan inilah, Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit pada hari ini hendak memberitahu kepada Dewan ini yang Dewan Negara ini sentiasa diancam oleh cabaran-cabaran yang boleh menjatuhkan maruah dan kehormatan Dewan ini. Kita menerima cabaran daripada Trade Unions, kita terima cabaran daripada penulis-penulis buku dan kita terima cabaran daripada orang-orang yang tidak puas hati mendengar fikiran dan kebebasan bersuara yang ada di Dewan ini.

Saya suka hendak kemukakan kepada Dewan ini sebuah buku yang dikeluarkan baru-baru ini oleh seorang yang bernama Bruce Ross-Larson dengan mengeluarkan sebuah buku yang bertajuk "The Politics of Federalism—Syed Kechik in East Malaysia." Ini buku saya bawa, saya beli, saya baca dan saya faham ada tersebut kehormatan Dewan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Buku itu dapat dibeli di mana-mana?

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahaya: Boleh dapat di mana-mana di dalam Malaysia ini, tetapi buku ini dicetak di Singapura, bukan dicetak di Malaysia, barangkali kerana pengeluarannya takut, kerana menjaga kebebasan untuk menyebarkan di Malaysia ini, maka buku ini dicetak di Singapura dan disebarkan di Malaysia ini dan dijual dengan harga—saya boleh beritahu harganya, kalau ada orang hendak membelinya—\$18.50 sebuah. Dalam buku ini pada muka surat 140 (buku ini dalam bahasa Inggeris) kehormatan Dewan ini telah disentuh dengan satu paragraph yang ditulis berbunyi begini. Izinkan saya baca:

“Also in September, 1973, he was appointed by the Legislative Assembly as one of Sabah’s two Senators in the Dewan Negara of the Federal Parliament. Since its inception, the Senate had been only a rubber stamp expected by the Dewan Rakyat to ratify without query everything that came before it. When Syed Kechik joined, however, the Senate was beginning a transformation toward a more functional role. It is possible that his style on the floor where he was critical of Government’s policies, programmes and personalities contributed to this process. The Senate continued to be largely ineffectual but after 15 years of perfunctory ratification it had begun to perform functions in accord with its powers and role in the country’s parliamentary system”.

Pada fahaman saya paragraph ini memberi tahu kepada rakyat seluruh dan dunia seluruhnya semenjak 15 tahun Senate ini berjalan, berjalan secara “rubber stamp”. Apa yang datang di sini disetamkan dan diluluskan. Tetapi apabila saudara kita—dukacita saya saudara kita sudah keluar—Senator Datuk Syed Kechik masuk dalam Dewan ini iaitu selepas daripada 15 tahun, maka Dewan ini telah bertukar menjadi satu Dewan yang hidup, yang bergolak, Dewan yang merupakan satu Dewan yang mengeluarkan keritik-keritik kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah hampir 18 tahun di sini, bersama-sama dengan Tan Sri sebagai President hari ini, bersama-sama dengan rakan saya Datuk Crawford, Tok Panku Pandak Hamid, Tan Sri T.H. Tan dan Tan Sri Omar Yoke-Lin Ong, saya rasa hidup ataupun timbulnya Dewan Negara ini bukanlah oleh seorang Ahli Dewan dalam

Dewan ini, sebagaimana yang didakwa oleh buku ini, oleh kerana Datuk Syed Kechik seorang. Dewan ini bertukar corak menjadi hidup. Ini adalah dakwaan yang melampau yang bertujuan menaikkan satu orang tetapi menghina Dewan Negara, sebuah Dewan yang begitu mulia. (*Tepuk*).

Saya rasa semua Ahli-ahli bersetuju dengan saya sekiranya kita katakan di sini buku ini sebenarnya dikarang oleh Bruce Ross-Larson tetapi dalam keterangan Bruce Ross-Larson ini dia ada satu perkataan di sini, dia kata waktu dia tulis buku ini:

“I am indebted to a large number of people in Kota Kinabalu, Kuching and Kuala Lumpur who gave their time to discuss with me the political situation in Sabah and Sarawak over the past decade and particularly to Syed Kechik who graciously submitted,”—“graciously” macam graciously kepada Agong,—“to long hours of interviews”.

Bermakna Ahli Yang Berhormat ini memberi interview yang begitu panjang kepada penulis buku ini. Ini bermakna Ahli Yang Berhormat daripada kita ini sendiri mesti mengetahui apa yang dituliskan yang boleh menjatuhkan marwah dan kehormatan Dewan ini, tetapi menaikkan dirinya seorang di mata rakyat dan di mata dunia.

Tuan Yang di-Pertua, bukan itu sahaja, buku ini dicetak begitu rupa kulitnya, kesemua pemimpin negara kita ini muka hitam; Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak, kesemua Menteri-menteri yang ada dalam Malaysia ini, pemimpin-pemimpin negara kita ini semua muka hitam, dicetak begitu rupa hitam mukanya dan muka saudara kita Yang Berhormat Datuk Syed Kechik putih, cerah, timbul, untuk sebaran kepada seluruh dunia dalam bahasa Inggeris. Dan pada saya, Tuan Yang di-Pertua, buku ini akan menjadi rojokan kepada penuntut-penuntut kita di universiti yang belajar ilmu politikal sains dan sebagainya. Kalau sekiranya kita tidak mengharamkan buku ini daripada disebarkan ke seluruh negara ini, ini satu salah sebaran, salah pengertian dan salah penulisan kepada umum yang mana kita akan memberi ajaran yang salah kepada anak cucu kita pada masa hadapan, sebab buku ini ditulis dalam bahasa Inggeris dengan rojokan-rojokan yang menunjukkan penulis ini mengambil satu masa yang panjang, membuatkan satu

research yang mempunyai keterangan, dokumen-dokumen yang boleh diambil pengertian oleh penuntut-penuntut universiti kita mengatakan buku ini adalah benar-benar buku yang genuine (betul) apa yang ada di dalamnya. Bagi saya kita tidak boleh biarkan buku ini menjadi rojokan, menjadi bacaan dan menjadi sebaran di dalam negara kita ini. Kerajaan perlu bertindak mengharamkan buku ini daripada dijual, disebar dan dibaca oleh mereka yang ada dalam negara ini. Ini penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak campur dalam hal politik Sabah, dan saya tidak mahu campur, kerana BERJAYA atau USNO adalah parti yang bebas menentukan nasibnya, tetapi kita tidak mahu untuk menegakkan sesuatu, maka Dewan Negara ini digunakan sebagai alat untuk menunjukkan kebenaran, untuk menunjukkan ketinggian, untuk menunjukkan kekayaan dan menunjukkan kelebihan, maka Dewan Negara ini dijadikan alat. Ini adalah satu penghinaan kepada kita di sini yang perlu kita bertindak dengan cara yang lebih tegas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada terima siaran yang diberi kepada Ahli-ahli Dewan ini daripada Kerajaan Sabah. Kerajaan Sabah telah membahagi-bahagikan dalam Dewan ini kepada tiap-tiap Ahli naskhah yang berbunyi, "Ucapan Ketua Menteri Sabah" yang bertajuk "Syed Kechik unfit to represent Sabah". Kita terima ucapan ini, kita terima sebaran ini daripada Kerajaan Negeri Sabah, dihantar kepada Ahli-ahli Dewan ini untuk menjadi panduan untuk menjadi pengetahuan kepada apa yang dicakapkan di dalam Dewan ini. Jadi sebagai seorang Ahli Dewan ini saya rasa Dewan ini tidak boleh dibiarkan dijadikan alat tempat mengemukakan perasaan dendam, perasaan mahu kepada kelebihan dan sebagainya.

Dalam buku ini terang-terang menafikan dengan sekeras-kerasnya brutality yang berlaku di negeri Sabah dan keterangan brutality yang dilakukan oleh Polis di Sabah ini telah diterangkan dalam Dewan ini oleh Datuk Syed Kechik dalam Dewan ini, dan kita semua dengar, pada masa itu kita tidak tahu adakah itu benar atau tidak benar Polis tortured rakyat Sabah beribu-ribu, beratus-ratus ditangkap dan dihukum dengan tidak dibicarakan dan sebagainya. Ini satu tuduhan yang berat dan tuduhan-tuduhan dalam

Dewan ini pada saya hendaklah merupakan tuduhan yang mempunyai fact atau kenyataan yang terang dan yang benar. Kalau tidak benar Dewan ini patut bertindak supaya kita tidak mahu Ahli kita menyalahgunakan kuasa yang ada dalam Dewan ini. Kalau saya bercakap dalam Dewan ini mengeluarkan satu kenyataan yang tidak benar, saya terima hukuman dan saya sedia menerima hukuman. (*Tepuk*). Hari ini kita mahu Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie datang ke Dewan ini untuk memberi keterangan bagaimana hasil penyiasatan daripada keterangan yang dikatakan "police brutality" dalam Negeri Sabah. Kalau Tan Sri Muhammad Ghazali tidak dapat datang ke sini memberi keterangan sendiri, saya rasa kita merasai tidak puas hati di atas apa yang berlaku dalam Dewan ini dan kita tidak mahu Dewan ini menjadi tempat untuk mereka mencurahkan segala keburukan yang tidak sesuai dengan kehormatan Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita jarang sekarang melihat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kita hadir dalam Dewan Negara ini. Pada tiap-tiap hari kita melihat Timbalan sahaja yang hadir, saya tidak mahu Timbalan menjawab, saya tidak mahu menerima jawapan daripada Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya mahu Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sendiri datang memberi jawapan di atas "police brutality" ini dan sejauh mana penyiasatan yang dijalankan dan bagaimana hasil penyiasatan yang dijalankan dan berapa banyak wang dibelanjakan untuk menjalankan penyiasatan itu supaya kita dapat tahu dengan jelas, dengan terang dan supaya kita boleh membuat satu tauladan kepada Ahli Dewan kita di sini dalam mengeluarkan kenyataan semacam ini kepada Dewan ini supaya Menteri-menteri berasa puas hati seorang Ahli Dewan bangun bercakap dia sudah puas hati, ini Ahli Dewan tentu dia sudah menghalusi dengan jelas dan perkataannya terang dan mempunyai bukti yang nyata, kalau tidak dia tidak bercakap. Kalau ini langkah yang kita buat maka Ahli Dewan dan Menteri akan mengadakan satu saling pengertian yang cukup erat di masa-masa hadapan kelak dalam menjalankan mesyuarat Dewan Negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya mencadangkan kita pinda Perlembagaan kita dari segi menjaga kehormatan Dewan ini.

Pada masa ini kalau satu cabaran yang datang daripada luar, kalau seorang Ahli mencabar kehormatan ataupun memburukkan nama Dewan ini, kita tidak ada kuasa untuk memanggil dan membicarakan Ahli atau orang itu, untuk menghukumkan bagaimana mahkamah dapat menghukumkan orang yang betul-betul melakukan contempt of court. Barangkali bukan sahaja Ahli Dewan Negara ini, bahkan Dewan Rakyat. Apa yang dibincangkan di dalam Dewan Rakyat umpamanya boleh jadi dicabar oleh orang luar daripada Dewan Rakyat, dan dikeluarkan kenyataan-kenyataan yang begitu buruk menjatuhkan maruah Dewan Rakyat tetapi Dewan Rakyat tidak ada berkuasa untuk memanggil, membicara dan menghukumkan mereka ini. Ini perlu kepada pindaan Perlembagaan supaya dimasukkan yang Ahli Parlimen ataupun Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini mempunyai kekuatan-kuasa membicarakan sesiapa juga yang menjatuhkan maruah Dewan ini, sesiapa juga yang cuba mencabar keputusan Dewan ini ataupun membuat sesuatu yang boleh merosakkan nama baik kedua-dua Dewan ini. Barulah rakyat kita boleh mengenali demokrasi, barulah rakyat boleh mengetahui yang sebenarnya kebebasan bersuara yang kita beri kepada kedua-dua Dewan ini, barulah kita dapat tahu yang kedua-dua Dewan ini ialah yang paling tinggi untuk mengatur pemerintahan negara ini untuk menjaga kesempurnaan kehidupan rakyat, barulah kita dapat memberi pengetahuan kepada rakyat seluruhnya bahawa cara-cara Parliamentary Democracy yang kita ada in adalah cara-cara kita sendiri, bukan cara England, bukan cara Amerika dan bukan cara mana-mana negeri. Kita mempunyai cara kita sendiri, kita mempunyai kaedah demokrasi kita sendiri, kita mempunyai kebebasan mengikut demokrasi ala Malaysia kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai keratan-keratan suratkhbar, barangkali saya tidak dapat bercakap lanjut kerana kita ada lima minit lagi, saya ada keratan suratkhbar yang seorang daripada pemimpin Trade Unions di Pulau Pinang bercakap kepada akhbar di Pulau Pinang tetapi suratkhbar lain tidak keluar, cuma yang keluar dalam *Business Times* dengan cara yang habis kecil tetapi sempat saya nampak, tengok, baca; dia kata Kerajaan kita ini melakukan sesuatu mengikut kehendaknya

dalam masaalah tanggagaji baru-baru ini, dan apabila dikehendaki anjing-anjingnya akan menyalak. The dogs will bark; at the time, Kerajaan mahu, dia "bark". Pada faham saya, anjing-anjing itu ialah Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara, itu yang ditujunya. Apabila Cabinet Committee Report itu dibahaskan di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara maka Ahli-ahli Dewan ini bercakap. Dalam percakapan itu, tentulah sudah keluar beberapa perkataan yang ditujukan kepada pemimpin-pemimpin Trade Unions yang mana tidak menyedapkan pendengaran mereka itu dan oleh kerana tidak sedapnya pendengaran itulah, maka mereka ini mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang boleh menjatuhkan kehormatan bukan sahaja Dewan ini tetapi tiap-tiap Ahli Dewan ini, dengan mengistilahkan perkataan "anjing-anjing".

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi, apabila Ahli-ahli Dewan ini bercakap, kita bercakap dengan cara kebebasan yang diberi mengikut hak yang ada pada kita. Saya tidak mahu dengar Pejabat Attorney-General menulis surat kepada Presiden Dewan Senate dengan kehendak Trade Unions untuk menghukumkan Ahli Dewan ini kerana mengeluarkan perkataan-perkataan yang tidak digemari oleh Trade Unions. Kalau Ahli-ahli Dewan ini bercakap salah, Tuan Yang di-Pertua boleh memberhentikan Ahli itu bercakap—rule him out, mengikut Standing Orders. Kalau saya bercakap cuba memasuki satu perkataan yang boleh menyalahi Peraturan Mesyuarat ini, maka President of the Senate boleh memberhentikan Ahli itu bercakap, tidak perlu Attorney-General menulis surat kepada President of the Senate yang mana merupakan satu ugutan kepada Senate ini. Saya terima kenyataan ini dengan sah dan terang apabila President of the Senate menerima surat daripada Attorney-General kerana percakapan saya dan Raja Datuk Nong Chik, maka hebohlah kepada Trade Unions menyatakan saya akan dihukum, kerana saya akan didakwa di mahkamah kerana perkataan-perkataan saya di dalam Senate ini melanggar Undang-undang. Rumours disebarkan kerana Attorney-General menulis surat kepada President of the Senate meminta ucapan untuk meneliti adakah ucapan saya itu salah ataupun benar. Ini perlu juga kita mendapat keterangan daripada Attorney-General di Dewan ini, sejauh mana kebebasan kita boleh

bercakap di sini dari segi seditious mengikut undang-undang. Saya tidak mengerti undang-undang, saya bukan lawyer tetapi saya ahli politik yang tahu menggunakan perkataan, saya tahu mengistilahkan, mengaturkan perkataan yang boleh saya memberi pengertian kepada tuan-tuan dan tuan-tuan boleh membaca di celah-celah perkataan saya itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Dewan ini perlu penjelasan yang jelas dan terang daripada Pejabat Attorney-General, daripada Menteri Undang-undang kita, kepada tiap-tiap Ahli bukan sahaja Dewan Negara ini bahkan Dewan Rakyat supaya kita mengetahui di mana kedudukan kita, di mana kebebasan yang ada pada kita dan cara mana

dapat kita bercakap supaya tidak dicabar dan diugut

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak menyambung esok?

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 21hb April, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.